

سَلَامٌ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنُونَ
أَقْرَبُ إِلَيْنَا مَا
كُلِّيَّتْ لِلْعِلْمِ
مَجْلِسِ الْعِلْمِ
MAJLIS ILMU 2018

SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-72 Tahun

سیکتور فرقانین :
سورفیزابیلیتی بعسادان نکارا

**SEKTOR PERTANIAN :
SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA**

مجمع اسلامی علم و فنا

**Sambutan Perayaan Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-72 Tahun**

سیکٹور قرتائیں، سور فیو اپیلیتی بعسا دان نکارا

Sektor Pertanian : Survivabiliti Bangsa dan Negara


*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Hajji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Hajji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti
Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam*

D.K.M.B., D.K., Knight Grand Cross (First Class) of The Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand), Member of The Royal Order of The Seraphim (Sweden), The Bejewelled Grand Cordon of Renaissance (Jordan), Grand Cross of the Netherlands - G.K.N.L., (Netherlands), Bintang Mahaputera Adipurna (Republik Indonesia), Grand Order of Mugunghwa (Republik Korea), The Order of Princess Olha, First Class (Ukraine), D.K. (Johor), D.K. (Selangor), D.K. (Kelantan), P.H.B.S.






Kandungan

Muka Surat

Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	3
Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam	5
Sekapur Sirih	9
Huraian Tema Majlis Ilmu 2018	13
Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Perasmian Majlis Ilmu 2017	17
Aturcara-Aturcara	23
• Aturcara Majlis Perasmian	24
• Aturcara Forum Perdana	26
• Aturcara Ceramah Perdana	27
Jadual Seminar Majlis Ilmu 2018	29
Senarai Nama Moderator, Pembentang dan Sub-Tema Seminar	33
Biodata	39
Abstrak	97
Gambar-Gambar Ristaan Majlis Ilmu 2017	127
Senarai Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018	137
Senarai Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Ilmu 2018	143
Penghargaan	151





Sekapur Sirih

Sekapur Sirih

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين
والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat mengungkayahkan Majlis Ilmu bagi tahun 2018 bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72 Tahun.

Majlis Ilmu ini merupakan antara mercu tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ianya adalah wadah berterusan untuk menghidangkan ilmu dan maklumat yang sangat bernilai dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk di Negara ini.

Majlis Ilmu pada tahun ini diungkayahkan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dengan tema "**Sektor Pertanian : Survivabiliti Bangsa dan Negara**". Tema ini dilihat dari sudut : Daya Tahan bagi Bangsa dan Negara; Kelangsungan Hidup bagi Bangsa dan Negara; dan Kemampuan Bertahan bagi Bangsa dan Negara.

Majlis Ilmu 2018 ini diharaskan dapat memberikan gambaran sebenar peranan serta kesan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan


Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perkembangan dan pembangunan yang berkaitan dengan ekonomi negara, khususnya sektor pertanian.

Huraian tema pada tahun ini akan diterjemahkan dan diperjelaskan melalui Ceramah Khas, Forum Perdana, Ceramah Perdana dan pembentangan kertas-kertas kerja Seminar dengan mengundang pakar-pakar tempatan yang terdiri daripada ahli akademik, *regulator* (pengawal selia) dan juga *practitioner* (pengusaha dan peladang). Demi mendukung tema ini yang berteraskan daya tahan, kelangsungan hidup dan kemampuan bertahan, antara perkara yang akan diketengahkan berkisar kepada sektor pertanian dari perspektif Islam; ekonomi pertanian; teknologi; sekuriti makanan dan keselamatan pengguna; serta peranan masyarakat khasnya belia dalam perkembangan dan kemajuan sektor pertanian.

Akhirnya, di kesempatan ini, saya mewakili Penasihat dan Pengerusi-Pengerusi Bersama sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa serta pihak yang terlibat dalam memberikan kerjasama, sumbangan tenaga dan buah fikiran ke arah menjayakan Majlis Ilmu 2018. Penghargaan dan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada penceramah khas, penceramah-penceramah undangan dan pembentang-pembentang kertas kerja yang berkesudian mengongsikan ilmu dan pengalaman masing-masing yang sangat bermanfaat semasa Majlis Ilmu 2018 ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran pahala dan rahmat kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sumbangan itu. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

DATO SERI SETIA AWANG HAJI ALI BIN APONG
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Selaku
Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu
Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-72 Tahun 2018





*Huraian Tema
Majlis Ilmu 2018*

SEKTOR PERTANIAN : SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA

Pertanian adalah merupakan aktiviti yang berkaitan dengan penghasilan atau pengeluaran makanan seperti perkebunan, penanaman dan penternakan. Pertanian di dalam konteks ini, juga termasuk sektor pertanian, agrimakanan dan perikanan, yang mana merupakan sebagai salah satu sektor penyumbang utama dan paling penting kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam. Manakala, survivabiliti membawa erti keupayaan, kelangsungan dan daya tahan untuk terus hidup. Maka, dalam hal ini, industri pertanian di sebuah negara adalah diumpamakan tulang belakang sistem ekonomi yang penting bagi memastikan negara tersebut akan terus berdaya tahan tanpa pergantungan dari negara lain.

Islam pada umumnya sangat menggalakkan aktiviti pertanian kerana peranannya bukan sahaja sebagai sumber utama untuk kelangsungan kehidupan manusia malah kepada makhluk lain. Kepentingan dan galakan tersebut jelas dinyatakan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Sayyidatina ‘Aisyah Radhiallahu ‘anha bahawa Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda :

الْتَّمِسُوا الرِّزْقَ فِي خَبَايَا الْأَرْضِ

Maksudnya :

Carilah rezeki oleh kamu yang tersembunyi di dalam bumi.

(Hadith riwayat Imam ath-Thabarani)

Melalui hadith yang dinyatakan ini dapat difahami bahawa punca rezeki boleh dihasilkan dari permukaan bumi yang pada dasarnya meliputi kawasan daratan dan juga perairan. Justeru itu, dapat dilihat bahawa Islam sangat mendorong aktiviti pertanian (dan perikanan), yang lazimnya dijalankan di permukaan tanah, sungai dan laut, sebagai salah satu sumber pekerjaan dan sumber rezeki.

Dari sudut survivabiliti pula, kepentingan bertani bagi memastikan kelangsungan hidup dapat digambarkan melalui kisah Nabi Yusuf ‘alaihissalam. Kisah tersebut menceritakan bahawa Raja Mesir ketika itu bermimpi melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuhtangkai lagi yang kering dan tafsiran mimpi oleh Nabi Yusuf ‘alaihissalam adalah seperti di dalam firman Allah Subhanahu Wata’ala di dalam kitab suci al-Quran, Surah Yusuf, ayat 47-49 :


قَالَ تَرَرُّعُونَ سَبَعَ سَبَعَ دَآبَآ فَمَا حَصَدْتُمْ فَدَرُوهُ فِي سُنْبُلَهٖ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾
ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبَعٌ شِدَادٌ يَأْكُلُنَّ مَا قَدَّمْتُمْ هُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾
يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْصِرُونَ ﴿٤٩﴾

Tafsirnya :

47. Nabi Yusuf berkata: "Hendaklah kamu bercucuk tanam seperti biasa selama tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya (supaya ia tidak cepat rosak) kecuali sedikit untuk kamu makan."
48. "Kemudian akan datang sesudah itu tujuh tahun musim kemarau yang dahsyat yang akan menghabiskan bekalan makanan yang kamu sediakan untuk menghadapinya kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)."
49. "Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang pada (ketika) itu manusia dikurniakan hujan dan mereka dapat memerah (hasil tanaman seperti anggur, zaitun dan lain-lain)."


Mengikut ayat di atas dan sejarah kehidupan Nabi Yusuf 'alaihissalam Kerajaan Mesir pada ketika itu telah mengarahkan rakyat untuk bekerja keras dan bersungguh-sungguh di dalam mengusahakan pengeluaran makanan melalui aktiviti pertanian selama tujuh tahun berturut-turut bagi memastikan keupayaan Negara Mesir untuk mampu bertahan (survivability) bagi menghadapi cuaca kering pada tujuh tahun berikutnya. Jelas di sini pertanian adalah ibarat nadi yang memastikan kelangsungan hidup bagi manusia. Sehubungan dengan itu, dari aspek bangsa dan Negara Brunei Darussalam, sektor pertanian berperanan penting di dalam membekal bahan makanan yang mencukupi, selamat dan halal untuk dimakan oleh seluruh penduduk dan rakyat Negara ini dan memastikan Negara berupaya untuk berdikari (*survive*) tanpa pergantungan dengan import jika terjadinya kejadian yang menghalang kemasukan komoditi pertanian ke Negara ini yang boleh diumpamakan seperti kemarau di dalam kisah zaman Nabi Yusuf 'alaihissalam.

Tema ini dipilih sebagai dorongan kepada semua yang terlibat termasuk para pengusaha-pengusaha dalam bidang pertanian dan perikanan untuk terus melipatgandakan usaha mereka di dalam mempercepatkan pertumbuhan keluaran masing-masing, terutama sekali dengan mengadaptasikan teknologi yang bersesuaian dan mengamalkan pengurusan ladang yang baik bagi menjamin kualiti hasil ladang. Usaha tersebut adalah mustahak bagi mencapai matlamat untuk menjana perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara melalui sektor pertanian. Secara kesimpulannya, tema ini adalah berketepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan usaha ke arah membangun ekonomi melalui bidang yang dianggap utama, seperti bidang pertanian dan perikanan sebagai makanan asasi kita. Sektor ini perlu diberi keutamaan kerana ianya akan menentukan kelangsungan kita sebagai bangsa dan Negara yang merdeka serta berkemampuan bertahan bagi Survivability Bangsa dan Negara.





Titah



Titah

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

*Di Perasmian Majlis Ilmu 2017
Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-71 Tahun*

*Pada Hari Selasa,
18 Safar 1439 / 7 November 2017*

*Bertempat
Di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas, Negara Brunei Darussalam*

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamsdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyaratil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya juga, dapatlah kita hadir dan berkumpul di Majlis Ilmu pada pagi yang mubarak ini.

Beta sangat gembira, kerana Majlis Ilmu diungkayahkan pada ketika, negara masih saja dalam suasana meraikan Sambutan Jubli Emas Beta Menaiki Takhta.

Pada tahun ini, Majlis Ilmu memaparkan tema : "Mensyukuri Kepimpinan, Terutama Perkhidmatan Ugama, Sepanjang 50 Tahun Pemerintahan Beta".

Beta juga difahamkan, bahawa satu 'Ceramah Khas' akan disampaikan, bertajuk : "Pemerintahan Raja Yang Salih Membawa Berkat".

Tidak syak lagi, majlis ini akan mendepani usaha, untuk mencari tafsiran tepat siapakah raja, apa tugas dan peranan serta kesan daripada tindak-tanduk raja?

Semua ini akan jadi tugas dan tanggungjawab para ilmuan juga untuk memberikan perspektif yang sahih.

Tugas ini bukanlah ringan, malah berkehendakkan para ilmuan yang benar-benar ahli serta amanah.

Bercakap mengenai kepimpinan, ia adalah berkait rapat dengan ilmu. Tanpa ilmu, kepimpinan boleh saja pincang. Mengapakah begitu? Kerana bukankah ilmu itu ‘pelita’? Cubalah bayangkan kalau kita berjalan di dalam gelap tanpa pelita?

Kerana itu, Beta sangat teruja, dengan Majlis Ilmu ini dapat diadakan pada setiap tahun, yang disempenakan dengan Hari Keputeraan Beta. Banyaklah ilmu yang boleh dikaut daripada majlis ini.

Dunia kini penuh dengan cabaran. Di antara cabaran yang sering-sering menggugat ialah cabaran dalam amalan berugama. Ia silih berganti, seperti saja tidak ada kesudahannya.

Dalang yang membawa cabaran, sangat suka menghambur-hamburkan pendapat, seperti memburuk-burukkan amalan bertahlil, menolak ziarah kubur, mempertikai Sambutan Maulid Ar-Rasul, membaca Al-Qur'an sebelum memulakan tugas dan lain-lain, dengan alasan, semua itu tidak dibuat oleh Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam.

Mereka ini tidak mahu mendengar penerangan-penerangan oleh para 'Ulama, kecuali terus saja berdegil dengan pendapat dan pendirian mereka.

Ini tidak boleh dibiarkan untuk terus berleluasa. Walaupun kita sudah berusaha dengan pelbagai cara, melalui dakwah dan nasihat, untuk memberhentikan amalan dan pendapat yang menyalahi kebiasaan ini, namun masih saja kedengaran ia berlaku, dilakukan oleh pihak-pihak yang degil itu.

Pada hemat Beta, ada eloknya perkara ini ditangani secara undang-undang dengan menyediakan peruntukan di bawah akta bersesuaian, untuk menyekat sama sekali pendapat atau amalan songsang menolak tahlil, mempertikai Sambutan Maulid Ar-Rasul, ziarah kubur, membaca Al-Qur'an sebelum memulakan tugas dan lain-lain seumpamanya.


Hanya dengan cara ini sahaja, semua di'ayah untuk mempengaruhi atau mengganggu-gugat keharmonian berugama di negara ini dapat disekat dengan berkesan.

Kita tidak mampu untuk membiarkan sesiapa jua untuk membawa atau mengimport sebarang ajaran yang boleh memecahbelahkan umat Islam di negara ini.

Inilah azam dan pendirian kita yang tidak dapat dikompromi sama sekali. Kita akan tetap dengan pendirian ini.

Aliran akidah yang kita pegang, ialah aliran Ahli Sunnah Waljama'ah. Tidak sesiapapun yang boleh melangkahinya. Ia telah pun dikanunkan dalam Perlembagaan sebagai dasar muktamad kita.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





*Aturcara Aturcara
Majlis Ilmu 2018*

ATURCARA
MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2018
SELASA, 19 RABIULAWAL 1440H / 27 NOVEMBER 2018M

- 7.30 pagi : Ahli Jawatankuasa hadir
- 8.00 pagi : Para Jemputan hadir
- 8.30 pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.00 pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja
- : Lagu Kebangsaan
- : Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran dan Kesimpulannya
- : Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
- : Titah Perasmian Majlis Ilmu 2018 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
- : Tayangan Video Klip (Perasmian)
- : Sesi Ceramah Khas
- Tajuk Ceramah : Sektor Pertanian : Survivabiliti Bangsa dan Negara
- Penceramah : Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan
- : Bacaan Doa Selamat
- : Lagu Kebangsaan


- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2018
- : Sesi bergambar ramai dengan Penceramah
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Balai Kenangan
- : Santap / Jamuan ringan
- : Sesi bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis.

ATURCARA
FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2018
RABU, 20 RABIULAWAL 1440H / 28 NOVEMBER 2018M

- 7.30 pagi : Ahli Jawatankuasa hadir
- 8.00 pagi : Para Jemputan hadir
- 8.30 pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.00 pagi : Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berserta Kerabat Diraja
- : Bacaan Surah Al-Fatihah
- : Sembah Alu-Aluan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2018
- : Sesi Forum Perdana
- Tajuk Forum : Sektor Pertanian : Survivabiliti Bangsa dan Negara
- : Bacaan Doa Selamat
- : Santap / Jamuan ringan
- : Sesi bergambar ramai dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Forum Perdana dan Panel-Panel Forum Perdana Majlis Ilmu 2018
- : Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis.

**ATURCARA
CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2018
KHAMIS, 21 RABIULAWAL 1440H / 29 NOVEMBER 2018M**

- 7.30 pagi : Ahli Jawatankuasa hadir
- 8.45 pagi : Para Jemputan hadir
- 9.15 pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas
- 9.45 pagi : Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman berserta Kerabat Diraja
- : Bacaan Surah Al-Fatihah
- : Sembah Aluu-Aluan oleh Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Jawatankuasa Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2018
- : Sesi Ceramah Perdana oleh Yang Mulia Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman bertajuk 'Wanita Sebagai Pendokong Aspirasi Negara Dalam Bidang Pertanian'
- : Bacaan Doa Selamat.
- : Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman serta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Ringkas Pertanian
- : Sesi bergambar ramai dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Ceramah Perdana dan Panel-Panel Forum Perdana Majlis Ilmu 2018
- : Santap / Jamuan ringan
- : Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis.






*Jadual Seminar
Majlis Ilmu 2018*

JADUAL SEMINAR MAJLIS ILMU 2018

SUB TEMA SEMINAR	TARIKH	TEMPAT
Sesi 1 Peningkatan Produktiviti Melalui Teknologi Moden	Hari Pertama Selasa, 27 November 2018	Dewan Musyawarah, ICC
Sesi 2 Prinsip-Prinsip Pertanian Dalam Islam		Bilik Sepakat 4 & 5
Sesi 3 Meningkatkan KDNK Melalui Sektor Pertanian		Dewan Musyawarah, ICC
Sesi 4 Peranan Wanita Di Dalam Menjana Pengeluaran Pertanian	Rabu, 28 November 2018	Bilik Sepakat 4 & 5
Sesi 5 Jaminan Sekuriti Makanan dan Keselamatan Pengguna	Hari Ketiga Khamis, 29 November 2018	Dewan Musyawarah, ICC
Sesi 6 Penglibatan Masyarakat Khasnya Belia Di Dalam Sektor Pertanian		Bilik Sepakat 4 & 5

ATURCARA SEMINAR MAJLIS ILMU 2018

- 1.30 – 1.45 petang : Kehadiran Para Peserta dan Ahli Jawatankuasa Seminar
- 2.00 petang : Seminar dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan Bacaan Doa Selamat
- 2.10 petang : Pembentangan Kertas Seminar 1
- 2.40 petang : Pembentangan Kertas Seminar 2
- 3.10 petang : Pembentangan Kertas Seminar 3
- 3.40 petang : Pembentangan Kertas Seminar 4
- 4.10 petang : Sesi Soal Jawab
- 4.30 petang : Majlis Bersurai





*Senarai Nama Moderator,
Pembentang dan Sub-Tema Seminar*


**SENARAI NAMA
PEMBENTANG KERTAS KERJA SEMINAR DAN MODERATOR SEMINAR
MAJLIS ILMU 2018**


BIL.	SUB TEMA	NAMA PEMBENTANG	MODERATOR
1.	Peningkatan Produktiviti Melalui Teknologi Moden	<p>Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan</p> <p>Yang Mulia Dr. Dayang Wida Susanty binti Haji Suhaili, <i>Assistant Professor, School of Computing and Informatics, Universiti Teknologi Brunei (UTB)</i></p> <p>Yang Mulia Cikgu Dayang Zaitunah binti Haji Kurus, Pegawai Pendidikan Tingkat Khas, Ketua Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)</p> <p>Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, Pengurus Umum, RZ Prisma Enterprise</p>	Yang Mulia Dr. Awang Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli, Pengarah SEAMEO VOCTECH, SEAMEO VOCTECH Regional Centre

		Yang Mulia Dr Mikdar Rusdi, Penolong Kanan Profesor, Dekan Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)	
2.	Prinsip-Prinsip Pertanian Dalam Islam	Yang Mulia Profesor Dr Awang Haji Mahayudin bin Haji Yahya, Profesor Sejarah dan Tamadun Islam, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)	Yang Mulia Dr Awang Hussein bin Haji Taha, Pensyarah, Fakulti Sains, Universiti Brunei Darussalam (UBD)
		Yang Mulia Ustaz Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)	
		Yang Mulia Dr Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Penolong Kanan Profesor / Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKLM), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)	
3.	Meningkatkan KDNK Melalui Sektor Pertanian	Yang Mulia Dr. Dayang Hajah May Faiezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi	Yang Mulia Dr Dayang Joyce Teo Siew Yean, Assistant Vice Chancellor (Global Affairs), Universiti Brunei Darussalam (UBD)
		Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengurusan, Koperasi dan Perindustrian), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	
		Yang Mulia Profesor Madya Dr. Dayang Hajah Rose binti Abdullah, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)	
		Yang Mulia Dayang Mariani binti Sabtu, Pemangku Pengarah Perikanan, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	

4.	Peranan Wanita Di Dalam Menjana Pengeluaran Pertanian	<p>Yang Mulia Dayang Hajah Norizmah binti Haji Awang Ahmad Morshidi, Pengurus Am, Ideal Food Industries Sdn Bhd</p> <p>Yang Mulia Dayang Erni Nasriah binti Haji Abdurrazak, Pengurus Erlin Jaya Enterprise (Tutong)</p> <p>Yang Mulia Dr Dayang Lilly Suzana binti Haji Shamsu @ Samsu, Penolong Profesor / Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)</p> <p>Yang Mulia Dayang Nurliyana Fatin binti Arifin, Presiden Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB)</p>	Yang Mulia Dr Dayang Hajah Norhayati binti Haji Ahmad, Pengarah Institute of Biodiversity & Environmental Research, Universiti Brunei Darussalam (UBD)
5.	Jaminan Sekuriti Makanan dan Keselamatan Pengguna	<p>Yang Mulia Awang Haji Yusop bin Haji Mahmud, Pemangku Jurukira Agung, Jabatan Perpendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi</p> <p>Yang Mulia Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)</p> <p>Yang Mulia Dayang Hajah Hasinahwati binti Haji Hanafi, Jurukimia Pertanian Kanan / Ketua Bahagian Kimia Makanan, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan</p> <p>Yang Mulia Dr Dayang Diana Dennis, Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan</p>	Yang Mulia Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan

		<p>Yang Mulia Dayang Hajah Zainab binti Haji Morshidi, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan</p>	
6.	Penglibatan Masyarakat Khasnya Belia Di Dalam Sektor Pertanian	<p>Yang Mulia Haji Awang Muliadi bin Haji Moksin, Pengurus, Syarikat Marsya Farm</p>	<p>Yang Mulia Profesor Madya Dr. Dayang Hajah Rose binti Abdullah, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)</p>
		<p>Yang Mulia Dr Dayang Vanessa Teo, Founder & Ketua Pegawai Eksekutif, Agrome IQ International Sdn Bhd</p>	
		<p>Yang Mulia Awang Haji Irwandy bin Haji Lois, Pengurus Ladang, Syarikat Ameenfarm Agrotech and Trading</p>	





Bicodata

MAJLIS PERASMIAN

YANG BERHORMAT PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO PADUKA SERI SETIA DR. USTAZ HAJI AWANG ABDUL AZIZ BIN JUNED MUFTI KERAJAAN



Sebelum menjawat jawatan Mufti pada tahun 1994, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pernah menjawat beberapa jawatan, seperti: Pegawai Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei (tahun 1970), Penguasa Penerangan dan Tabligh (tahun 1971), Pegawai Ugama Kanan (tahun 1976), Timbalan Kadi Besar (tahun 1983), Pengarah Hal Ehwal Syar'iah (tahun 1986) dan Timbalan Mufti Kerajaan (tahun 1989).

Yang Berhormat Pehin mendapat pendidikan awal di Brunei Darussalam; kemudian melanjutkan pelajaran ke Madrasah Al-Juned, Singapura pada 1955; kemudian ke Kolej Islam Malaya pada 1962 dan Al-Azhar, Mesir pada 1968.

Yang Berhormat Pehin adalah Ahli Tetap Yayasan Ali Al-Bait di Amman, Jordan dan Anggota Panel Penasihat Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) serta beberapa keahlian lain dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antaranya: Ahli Majlis Mesyuarat Diraja (sejak 17 April, 1984); Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja (sejak 1978); Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam (sejak 1971); Ahli Tambahan Jawatankuasa Kehakiman (1972-1975 dan 1981-1983); Ahli Majlis Lembaga Bandaran (1987-1989); Ahli Jawatankuasa Menyesuaikan Undang-Undang Dengan Kehendak Ugama Islam (sejak 1980); Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat (sejak 1989); Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam (sejak 1981); Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam (sejak 1994); Pengerusi Jawatankuasa Mengkaji Barang-Barang Makanan Yang Diharamkan Oleh Syarak (1981- 1991); Ahli Jawatankuasa Penubuhan Tabung Amanah Islam Brunei (1991); Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Badan Syariah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [TAIB] tahun 1995 - Jun, 2008); Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [TAIB] (1994-1998); Ahli Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei [IBBI] (1993-2005) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Badan Syariah Bank Islam Brunei [IBBI] (1993-April, 2008); Ahli Majlis Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (1992-2008); Ahli Majlis Institut Pengajian Islam (sejak 1989); Ahli Jema'ah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (sejak 1992); Ahli Jawatankuasa Bagi Menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam dengan Mushaf Al-Qur'an Tulisan Tangan (1992); Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta; Ahli Lembaga Penasihat Pusat Dakwah; Timbalan Pengerusi Lembaga Institut Tahfiz Al-Qur'an (1992-Ogos, 2005); Ahli Lembaga Institut Tahfiz Al-Quran (sejak 29 Disember, 2005); Pengerusi Lembaga Tasmie' Tertinggi Menghafaz Al-Quran (sejak 2003); Pengerusi Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara

Brunei Darussalam (1991-1996); Ahli Majlis Pelajaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam (1999-2006 dan mulai 1hb. Mei, 2014 hingga sekarang); Ahli Jawatankuasa Penasihat Orang-Orang Tahanan (sejak tahun 80an-2005); Ahli Majlis Universiti Brunei Darussalam (sejak 1985); Ahli Jawatankuasa Dermasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (1987-2002); Ahli Lembaga Tertinggi Syariah Yang Mengawal Perjalanan Institusi-Institusi Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam (mulai 25 Februari, 2006); Ahli Majlis Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (sejak 01 Jun 2007); Ahli Majlis Universiti Islam Sultan Sharif Ali (sejak tahun 2011); Penal Penyemak (Masyaikh) Tafsir Darussalam mulai tahun 2007 dan beberapa keahlian lain.

Yang Berhormat telah disampiri gelaran "Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib" pada 26 Mac, 1983, "Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam" pada 06 November, 1984 dan "Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja" pada 09 Mei, 1996. Yang Berhormat Pehin juga dikurniakan beberapa bintang kebesaran dan kehormatan Negara Brunei Darussalam: Bintang Kebesaran Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) pada tahun 1982, Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) pada tahun 1983, Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama (P.S.S.U.B) pada tahun 1984 serta Pingat-Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I), Kerja Lama (P.K.L) dan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Darjah Pertama (P.H.B.S) pada 15 Julai, 2010.

Sebagai seorang yang suka menulis, Yang Berhormat Pehin mula berkarya pada tahun 1956. Hasil-hasil tulisan Yang Berhormat Pehin kebanyakannya diterbitkan oleh penerbit dari agensi-agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di samping turut diterbitkan oleh penerbit/pencetak dari luar negara. Hasil tulisan dan karya yang dibukukan setakat ini berjumlah lebih 50 judul. Di antara buku-buku yang dihasilkan itu ialah: Panduan Menunaikan Fardhu Haji; Menghayati Islam: Ke Arah Pendidikan Akhlak Yang Sempurna; Panduan Cara-Cara Menyembahyangkan Mayat, Kejujuran Asas Kejayaan; Seruan Islam I, II, III & IV; Musuh Islam; Tetamu Allah (tahun 1987); Tetamu Allah II (tahun 1989); Tetamu Allah III Bersama Ahli Kerabat Di Raja (tahun 1993); Al-Mu'min Menjadi Tetamu Allah Kali Keempat dan Kelima (tahun 1995) dan Islam di Brunei.

Setelah Jabatan Mufti Kerajaan ditubuhkan pada tahun 1994, Yang Berhormat Pehin menghasilkan pula: "Lawatan Negara: Satu Wadah Kerana Allah"; Fatwa Mufti Kerajaan (1994-1995, 1996; 1997; 1998; 1999; 2000; 2001; 2002; 2003; 2004; 2005; 2006; 2007; 2008; 2009; 2010; 2011; 2012; 2013; 2014 dan 2015); Bersama Mufti (1995-1997); Islam dan Muzik; Buku Mushaf, Tasbih, Tongkat Koleksi Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Bertabarruk Dengan Atsar-Atsar Nabi; Rokok dan Merokok; Jambatan Ke Akhirat; Tsunami Satu I'tibar; Kerasukan: Merawat dan Mencegahnya; Pemedulian Pelanggan Menurut Perspektif Islam; Orang Sembahyang Ditangisi Oleh Tempat Sujudnya; Orang Berbank Kita Juga Berbank; Haji & Umrah; Berubat Dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit; Selesema Babi Kukuhkan Kebenaran Al-Qur'an; Isra' Mi'raj Satu Mu'jizat; Keramat Wali-Wali Allah; Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah Penyelamat Ummah; Hebatnya Guru; Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan; The

Shari'ah Penal Code *An Introduction*; Bandar Seri Begawan Menagih Berkat Dari Langit dan Bumi; Gaya Hidup Sihat dan Permakanan Sihat Menurut Perspektif Islam; Manusia Mencabar Allah; Membaca Nadi Kejayaan Bangsa dan Rawatan & Kesihatan 2; Bahtera Perkahwinan, Memartabatkan Seni Bina Melayu Islam Beraja & Sayangi Ibu Bapa; Meraih Berkat Dalam Pembangunan Sains dan Teknologi; Raja Melakar Sejarah & The King Who Shapes History.

Antara buku Yang Berhormat Pehin dalam bidang sastera ialah Antologi sajak bersama seperti: *Laungan*, 1966, terbitan Penerbitan Federal Kuala Lumpur; *Puisi Hidayat*, 1971, terbitan Pusat Dakwah Islamiah; *Puisi Hidayat II*, 1975, terbitan Pusat Dakwah Islamiah; *Pakatan* pada tahun 1976; *Koleksi Sajak-Sajak Darussalam*, 1979, terbitan Syarikat Mega, Brunei, *Lagu Hari Depan* pada tahun 1980; *Puisi-Puisi Nusantara*, 1981, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur; *Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei*, 1984, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, *Memburu Pelangi* pada tahun 1992; antologi sastera ASEAN *Puisi Moden Brunei*, 1994, terbitan *The ASEAN Committee on Cultural and Information*; *Hasrat Merdeka* pada tahun 1995; *Anthology Of ASEAN Literatures Modern Poetry of Brunei Darussalam*, 1998; *Larian Hidup* pada tahun 1999 Kembara Merdeka: Dua Dekad Meniti Usia pada tahun 2004 dan *Episod Tsunami Peringatan Ilahi (Sebuah Iktibar dan Pengajaran)* pada tahun 2005; antologi bersendirian: *Senandong Anak Watan* pada tahun 2000; *Dari Jendela Dunia* pada tahun 2008; *Negara Zikir* pada tahun 2010; *Melayu Islam Beraja "Mahkota Negara"* pada tahun 2011 dan *Perintah Qanun Jenayah Syar'iah "NERACA ALLAH"* pada tahun 2013.

Hasil tulisan Yang Berhormat Pehin juga pernah termuat dalam jurnal, majalah, dan akhbar seperti : *Beriga, Bahana, Bintang Harian, Pelita Brunei dan Teratai* (terbitan Brunei), *Utusan Kanak-Kanak dan Gelanggang* (terbitan Singapura), *Utusan Zaman, Berita Minggu, Mastika dan Dewan Masyarakat* (terbitan Malaysia).

Di samping itu Yang Berhormat Pehin juga sering menerima undangan Kementerian-Kementerian dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri untuk membentangkan kertas-kertas kerja di persidangan-persidangan, seminar-seminar, dialog-dialog serta berceramah bagi majlis-majlis bersempena dan juga memenuhi undangan dari luar negeri. Pernah diundang untuk menghadiri beberapa Persidangan mewakili Negara Brunei Darussalam seperti Persidangan Islam Asia Pertama di Karachi, Pakistan; Persidangan Fatwa dan Prinsip-Prinsipnya di Makkah al-Mukarramah; The 15th General Conference of The Royal Aali Al-Bait, di Amman Jordan; Pusat Pengajian Islam, Oxford, United Kingdom; Jamia Markaz International Conference, Calicut, India; jemputan Anugerah Antarabangsa Naif bin Abdul Aziz Al Saud bagi Sunnah Nabi dan Pengajian Islam Kontemporari; Persidangan Sains Bangsa di Dakar, Senegal; Persidangan Persatuan Liga Islam Sedunia, Makkah dan beberapa undangan-undangan lain.

Yang Berhormat Pehin juga banyak memberikan ceramah agama dan "Kuliah Subuh" di masjid-masjid rasmi kerajaan dan surau-surau di seluruh negara. Juga sering tampil memberikan khutbah di masjid-masjid pada Hari Jumaat.

Dalam bidang pekerjaan dan penulisan, pada tahun 1993, Yang Berhormat Pehin menerima anugerah ASEAN Cultural Award On Literary Works; tahun 2000 menerima anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A Write Award), di Bangkok, Thailand; dan pada 11 September, 2007 dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Brunei Darussalam, Anugerah Khas Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 27 Jun, 2011, Anugerah Tokoh Ugama bagi Tahun 1433 Hijrah pada 26 November, 2011 dan menjadi penerima Anugerah Kesusastraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-2 pada 25 November, 2013. Pada 14 September 2018 Yang Berhormat Pehin dianugerahkan Sastera Mastera Brunei Darussalam 2018.

Selain daripada itu, melalui sumbangan buku-buku tulisan Yang Berhormat Pehin (Buku Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan, *The Shari'ah Penal Code An Introduction*, Neraca Allah dan buku Fatwa Mufti Kerajaan 2013), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah dinobatkan sebagai penerima **Anugerah Perdana Penerbit Nusantara** oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia yang berlangsung pada 17 Safar, 1436 bersamaan 10 Disember, 2014, di Kuala Lumpur, Malaysia. Begitu juga buku Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan ini telah diberi penghargaan sebagai **Buku Terlaris 2014 (Kategori Ilmiah) Semasa Pesta Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2015** Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke 31, Tahun 2015 Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, dan pada 30 April, 2018 buku **RAJA MELAKAR SEJARAH** telah dinobatkan sebagai Penerima Anugerah **BUKU UMUM TERBAIK ASEAN 2018**, sementara buku **THE KING WHO SHAPES HISTORY** juga telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah **TERJEMAHAN TERBAIK ASEAN 2018** Anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara, Malaysia.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, dilahirkan pada 3 Zulhijjah, 1360 bersamaan 22 Disember, 1941 di Kampung Setia Pahlawan Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajah Maznah binti Haji Muhammad dan dikurniakan 3 orang anak – dua lelaki dan seorang perempuan.

**FORUM PERDANA (PENGERUSI)
DAN SEMINAR (PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DR. AWANG HAJI ADANAN
BIN HAJI BASAR**

Ra'es,

**Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
(KUPU SB)**



Pendidikan :

Pada peringkat IPT beliau pernah membuat pengajian di Universiti al-Azhar dalam bidang Syariah wal Qanun (Nizam 'Am), Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Pendidikan Pengajian Islam, Universiti Yarmouk Jordan dan Universiti Malaya dalam bidang Pendidikan Islam.

Memperolehi Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam di Universiti Brunei Darussalam (UBD) (1997), Sarjana dalam Pendidikan Islam di Yarmouk Universiti (2001) serta Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Islam Universiti Malaya (2011).

Pengalaman :

- Pegawai Pelajaran Ugama di Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong.
- Tutor dan kemudian Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam – UBD.
- Pensyarah di Fakulti Pendidikan Sultan Hasanal Bolkiah – UBD.
- Timbalan Dekan di Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien – UBD.
- Penolong Ra'es KUPU SB (2012) merangkap Dekan Fakulti Pendidikan.
- Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan.
- Timbalan Ra'es.

**FORUM PERDANA
(AHLI PANEL)**

**YANG MULIA DATO SERI SETIA
DR. AWANG HAJI JAPAR BIN HAJI MAT DAIN
@ MAIDIN**
***Timbalan Mufti Kerajaan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri***



Pendidikan :

- B.A Usuluddin (Aqidah dan Falsafah), Universiti Al-Azhar, Mesir, Tahun 1987.
- Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, Tahun 2000.
- Doktor Falsafah Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, Tahun 2011.

Pengalaman :

- Pegawai Ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama (mulai 4.4.1988 hingga 30.4.1992). Dalam tempoh itu ditugaskan :
 - ✓ Pegawai Ugama di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.
 - ✓ Pegawai Ugama di Jabatan Urusan Haji.
 - ✓ Ketua Unit Kawalan Penerbitan dan Penapisan di Pusat Dakwah Islamiah.
 - ✓ Pemangku Kadi Daerah Tutong di Pejabat Kadi Daerah Tutong.
 - ✓ Pemangku Kadi Daerah Brunei dan Muara, Pejabat Kadi Daerah Brunei dan Muara.
 - ✓ Pegawai Ugama di Jabatan Hal Ehwal Syariah.
 - ✓ Pemangku Ketua Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan.
 - ✓ Pemangku Kadi Daerah Temburong.
 - ✓ Pemangku Kadi Daerah Belait.
- Pegawai Ugama Kanan di Kementerian Hal Ehwal Ugama :
 - ✓ Kadi Daerah Brunei dan Muara, Pejabat Kadi Daerah Brunei dan Muara (1.5.1992 hingga 30.11.1994).
 - ✓ Pemangku Timbalan Kadi Besar, Pejabat Kadi Besar (27.8.1994 hingga 9-9-1994).
- Pegawai Ugama Kanan di Jabatan Mufti Kerajaan (mulai 1.12.1994 hingga 31.8.2015). Dalam tempoh itu ditugaskan :
 - ✓ Pegawai Istibat Kanan (mulai 1.12.94 – 31.12.2001).
 - ✓ Ketua Pegawai Istibat (mulai 1.1.2002 –31.8.2015).
- Timbalan Mufti Kerajaan di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (mulai 1 September, 2015M bersamaan 17 Zulkaedah 1436H).

**FORUM PERDANA
(AHLI PANEL)**

**YANG MULIA PENGIRAN HAJI KAMALRUDZAMAN
BIN PENGIRAN HAJI MOHD. ISHAK**

*Setiausaha Tetap,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*



Pendidikan :

- MSc. Agriculture Economics, Imperial College of Wye, University of London
- Post-Graduate Diploma (Agriculture Development), Imperial College of Wye, University of London
- BSc. (Hons) Agriculture and Food Marketing, University College of Wales, Aberystwyth
- Brunei National Diploma in Agriculture, Sinaut Agriculture Training Centre, Negara Brunei Darussalam.

Pengalaman :

- Pembantu Pertanian Kanan, Jabatan Pertanian (mulai 6 Januari 1986).
- Pegawai Pertanian, Jabatan Pertanian (mulai 1 Mac 1992).
- Pegawai Pertanian Kanan, Jabatan Pertanian (mulai tahun 2000).
- Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (mulai 13 Jun 2007).
- Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (mulai 20 September 2018).

**FORUM PERDANA
(AHLI PANEL)**

**YANG BERBAHAGIA DATUK DR. MOHAMAD ROFF
BIN MOHD NOOR**

***Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan
Pertanian Malaysia (MARDI)***



Pendidikan :

- Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Virologi Tanaman, University of Reading, UK, 1996.
- Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian Patologi Tanaman, Universiti Pertanian Malaysia, 1985.
- Diploma Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia, 1982.

Pengalaman :

- Pegawai Penyelidikan, (MARDI).
- Timbalan Pengarah HR03, Pusat Penyelidikan Hortikultur, Ibu Pejabat MARDI, Serdang.
- Pengarah, Bahagian Perancangan Strategik dan Pengurusan Inovasi, Ibu Pejabat MARDI, Serdang.
- Pengarah Pusat Penyelidikan Tanaman dan Sains Tanah Ibu Pejabat MARDI, Serdang.
- Timbalan Ketua Pengarah MARDI, Ibu Pejabat MARDI, Serdang.
- Ketua Pengarah MARDI, Ibu Pejabat MARDI, Serdang.

**FORUM PERDANA (AHLI PANEL)
DAN SEMINAR (PEMBENTANG)**

**YANG MULIA AWANG HAJI MULIADI
BIN MOKSIN**
Pengurus Syarikat Marsya Farm



Pendidikan :

- 1992-1996 Pendidikan Menengah
- 1997 – 2008 Bertugas di Telecommunication Company
- 2007 - Laksamana College Brunei (Diploma in Business Management) - Kensington College of Business
- 2008 sehingga sekarang Agropreneur sepenuh masa

Pekerjaan :

Jawatan : Pengarah

Tempat : Marsya Farm

No. 907, Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Sungai Liang, Kuala Belait,
KC 1335, Negara Brunei Darussalam.

Visi dan Misi :

- Menghasilkan produk tanaman yang berkualiti tinggi (yang mencapai standard pasaraya) serta produk bebas racun yang selamat untuk dimakan serta mampu menembusi pasaran luar negara.
- Menggunakan teknik hidroponik, fertigasi, drip irrigation, tradisional dan rumah pelindung hujan.
- Menarik minat bumiputera amnya, belia khasnya dalam menceburi bidang pertanian dengan menggunakan kaedah pertanian moden.
- Menukar persepsi orang ramai mengenai dengan pertanian bahawa ia juga memainkan peranan yang sangat penting kepada negara
- Syarikat Marsya Farm menggunakan jenama patented logo di bawah nama "ALL ABOUT GREEN"
- Hasil tanaman dipasarkan ke 13 lokasi / pasaraya :
 1. Supa Save -Mabohai, Beribi dan Seria.
 2. Soon Lee Megamart - Gadong, Berakas, Pandan 7 Kuala Belait, Seaview Kuala Belait, Sungai Liang.
 3. Hua Ho Department Store - Tanjung Bunut dan Manggis Mall.
 4. Giant Hypermart Rimba.
 5. Yellow Cab Pizza - Serusop dan Kiulap.



Pencapaian :

- Menerima Anugerah Petani, Peladang, Penternak Berdaya Maju Tahun 2013 dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

- Wakil Negara Brunei Darussalam ke Negara Aceh, Indonesia bagi Menghadiri ASEAN & ASEAN PARTNERS EXCHANGE FARMERS VISIT 2017, 4 – 11 May 2017.
- Menyertai Bengkel Penggunaan Racun dan Baja di bawah kelolaan Good Agriculture Practise (GAP) Brunei , 12 Julai 2017.
- Pencalonan Anugerah Hari Belia Kebangsaan sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-12, Tahun 2017.
- Usahawan Belia Menghasilkan Sayur-sayuran dan Buah-buahan Menggunakan Teknologi Hidroponik, Fertigasi dan Rumah Terlindung sempena Mini – Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2017.
- Sedang Mengikuti Program Brunei GAP (Good Agricultural Practice) dikelolakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Tahun 2018.

Sumbangan kepada belia - Kepentingan Pertanian kepada Negara

Melalui :

Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar,

Kampung Lambak Kanan

Subjek : Kemahiran Hidup (Tahun 9)

Tahun 2016 (Tanaman Daun Salad dan Taugeh)

- Memberikan tunjuk ajar dari segi teknik penanaman
- Menyediakan kelengkapan untuk tanaman

Tahun 2017 (Tanaman jagung manis dan tembakai)

- Memberi tunjuk ajar penanaman, perawatan, penjualan hasil-hasil tanaman.
- Menyediakan kelengkapan serta pemasangan untuk tanaman

Tahun 2018 (Tanaman Lada Thailand dan Jagung Manis)

- Memberi tunjuk ajar penanaman, perawatan, penjualan hasil-hasil tanaman.
- Menyediakan kelengkapan dan pemasangan untuk tanaman

CERAMAH PERDANA

**YANG MULIA PROFESOR
DR DAYANG HAJAH ZOHRAH BINTI HAJI SULAIMAN**
*Naib Canselor,
Universiti Teknologi Brunei (UTB)*



Biodata Ringkas

Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah binti Sulaiman memulakan kerjayanya sebagai guru sekolah pada tahun 1988. Setahun kemudian, beliau menyertai Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai tutor. Pada tahun 1994, beliau memperolehi PhD (Genetik) dari *University of Southampton* (United Kingdom). Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah adalah Timbalan Naib Canselor di UBD apabila beliau memangku jawatan Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei pada bulan November 2012 (dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi Brunei). Beliau telah diamanahkan untuk membuat perubahan kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Alhamdulillah pada tahun 2017, melalui penilaian *Quacquarelli Symonds (QS) Asia University Ranking*, UTB adalah di antara 10 universiti Kejuruteraan dan Teknologi terbaik di Asia Tenggara. UTB mendapat pengiktirafan 5 bintang oleh QS, menduduki tangga 442 dalam *QS World University Ranking*, kedudukan 57 dalam universiti-universiti global di bawah umur 50 tahun dan di antara 200 Universiti-Universiti terbaik Asia pada tahun 2018.

Beliau dianugerahkan Felo ASAIIHL (*Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning*) serta mendapat penempatan di *Chulalongkorn University* (Thailand) dari 8-22 Julai 1996, merupakan calon kebangsaan untuk Anugerah Saintis dan Teknologis Muda ASEAN pada tahun 1998, memegang pelbagai Jawatankuasa ASEAN-COST termasuk Pengerusi Lembaga Penasihat Pelan Tindakan ASEAN untuk Sains dan Teknologi (2006-2008), Pengerusi (2011-2014) dan focal point negara (2002-2014) kepada Jawatankuasa Kecil ASEAN-COST mengenai Bioteknologi. Sebagai pengiktirafan sumbangannya kepada Jawatankuasa Sains dan Teknologi ASEAN, Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Kepujian Sains dan Teknologi ASEAN pada 7 Julai 2008. Beliau juga merupakan ahli pengasas bersama Persatuan Ahli Iktiologi Asia dari tahun 2014. Beliau juga berpeluang menghadiri program Felo Eksekutif Kanan di *Harvard Kennedy School* (*Harvard University, USA*) selama 4 minggu (16 Februari-12 March, 2010), terpilih serta dibiayai oleh Yayasan Qatar untuk menghadiri *WISE Program for Educational Leadership* (26-31 Oktober, 2013, Qatar) dan Profesor Kehormat Kolej Sains, *University of Swansea*, United Kingdom selama 5 tahun dari 1 September 2018.

Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah menerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) pada tahun 2001, Bintang Yang Amat Bahagia (Darjah Keempat) (PSB) pada tahun 2006, Bintang Seri Mahkota Brunei (SMB) pada tahun 2011, Bintang Darjah Setia Negara Brunei (Darjah Ketiga) (SNB) dan Pingat Kerja Lama (PKL) pada tahun 2017.

Bidang penyelidikan yang diminati beliau adalah kepelbagai biologi ikan, akuakultur, filogeni molekul dan biogeografi ikan. Pada tahun 2006, beliau bersama kawan-kawan

penyelidik dari Universiti Kebangsaan Singapura (*National University of Singapore*) telah menemui 3 ikan baru dari spesies *Gastromyzon*, yang buat pertama kali dicatat dari Sungai Temburong. Beliau memfailkan dua paten yang melibatkan pengeluaran biodiesel dari padi Laila dengan pelajar PhD, di mana 1 paten telah diluluskan oleh IPO Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2018, Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah menerbitkan kertas kerja dalam jurnal *Zootaxa* mengenai semua ikan air tawar yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Dia mengajar genetik, genetik populasi dan genetik molekul kepada pelajar UBD dari 1994-2013 dan kini merupakan staf *adjunct* akademik di UBD sejak tahun 2014.

Beliau telah berkahwin dan mempunyai seorang anak.

**SEMINAR
(MODERATOR)**

YANG MULIA DR AWANG HAJI MOHD ZAMRI

BIN HAJI SABLI

Pengarah SEAMEO VOCTECH,

Pemangku Pengarah / CEO,

Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)



Pendidikan :

- PhD Agriculture, Newcastle University UK, 2012
- MEdn Science Education, Universiti Brunei Darussalam, 2003
- BSc (Hons) Agriculture Biotechnology, Nottingham University (UK) 1993

Pengalaman :

- Pegawai Pelajaran, Kementerian Pendidikan
- Pengetua, Sekolah Vokasional Wasan
- Penolong Pengarah, Institut Pendidikan Teknikal Brunei
- Pengarah SEAMEO VOCTECH
- Pemangku Pengarah / CEO Institut Pendidikan Teknikal Brunei

Anugerah Pingat Kehormatan :

- Pingat Indah Kerja Baik (PIKB)
- Pingat Kerja Lama (PKL)
- Pingat Jubli Emas

Pengkhususan :

- Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional
- Fertigation in Soilless and Greenhouse Production

Penyelidikan dan Penulisan :

- TVET International Conference 2016. Ensuring greater impact of TVET for Sustainable Development. *Green TVET for Sustainable Development.*
- Teachers' Day Conference, 2012, Brunei Darussalam. *Identifying best practices for agricultural education and training in the 21st century.*
- International Horticultural Society Conference. 2010. Lisbon, Portugal. *Effects of fertilizer formulation on growth, yield, leaf chlorophyll content and photosynthesis at different psychological stages of bell pepper in Rockwool.*
- Water and Nitrogen Use Efficiency in Crops Conference. United Kingdom, 2010. *Fertigation of glasshouse-grown bell pepper grown in a hydroponic system with a Rockwool substrate.*

- Globalisation Trends in Science, Mathematics and Technical Education Conference. UBD 2004. *Psychosocial environment of agricultural science classes in Brunei Darussalam*.
- Education Research Association Singapore Conference, 2004, Singapore. *Assessment of learning in agricultural science classes*.
- International Conference on Science and Mathematics Education Conference, 2003, Kuala Lumpur, Malaysia. *Student perception of psychosocial environment of agricultural science classrooms in Brunei Darussalam*.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DAYANG HAJAH AIDAH
BINTI HAJI MOHD HANIFAH**
*Pengarah Pertanian dan Agrimakanan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*



Pendidikan :

- M.Phil Degree Course in Botany, University of Nottingham, United Kingdom (1992)
- BSc (Hons) in Genetics, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia (1982 - 1986)

Pengalaman Kerja / Komitmen :

- Pegawai Pertanian (1986)
- Pegawai Pertanian Kanan (1994)
- Penolong Pengarah Pertanian (2003)
- Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (2006)
- Timbalan Pengarah Pertanian (2011)
- Pengarah Pertanian dan Agrimakanan (2017 - 2019) dan disambung secara berkontrak selama 2 Tahun
- Ketua Bahagian Pembangunan Tanaman (2003-2006)
- Ketua Unit Bioteknologi (2000) / Ketua Unit Komoditi (1997)
- Menghadiri kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang, persidangan, simposium antarabangsa serta mesyuarat-mesyuarat ASEAN dan Antarabangsa di dalam dan luar negeri
- Terlibat langsung dengan Projek Belia Pelapis seperti Projek Belia Berpadi dengan Kerjasama pihak Jabatan Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
- Beliau telah menghadiri Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan [EDPSGO] Ke-15 di Universiti Brunei Darussalam (2011)
- Master Program Manager bagi mengetuai Program Perkembangan Industri Tanaman dan sekaligus menjadi Account Manager yang bertanggungjawab kepada beberapa buah ladang di bawah pengawasan beliau bagi industri sayur, industri buah dan industri florikultur

Anugerah :

i. Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan

- Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) – 1996
- Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (PSB) - 2002
- Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (SMB) - 2008
- Pingat Kerja Lama (PKL) - 2011

ii. Anugerah-Anugerah :

• Projek-Projek Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam

1. Projek : Peningkatan Keberkesanan Pengurusan Makmal Veterinar Dengan Pencapaian Akreditasi ISO/IEC 17025-2005 – Testing Laboratory (2014) - KUMPULAN MUTIARA
Keputusan : Mendapat Sagu Hati
2. Projek : Mengukuhkan Jaminan Keselamatan Makanan Negara bagi Komoditi Tanaman Sayur-Sayuran dengan Perlaksanaan Pengiktirafan BRUNEI GAP (2014) - KUMPULAN HFAS TEAM
Keputusan : Menerima Sijil Penyertaan
3. Projek : Perkembangan Perkhidmatan Mikrobiologi bagi Mengukuhkan Hasil Ternakan
Keputusan : Menerima Sijil Penyertaan
4. Projek : Infestasi Cacing Pada Kambing Adalah Tinggi Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-14 (2014)
Keputusan : Mendapat Pingat Gangsa

• Lain-Lain Anugerah Yang Dicapai

1. Projek ISO9001:2008 Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Keputusan : Telah menerima Persuratan dari pihak Perunding Bureau Veritas terhadap pencapaian dan pengiktirafan Pensijilan ISO9001:2008
2. Projek Pengiktirafan Brunei Good Agriculture Practice (Brunei GAP)
Keputusan : Penilaian / Pengauditan adalah secara berterusan. Pencapaian beberapa Ladang yang diiktiraf sejak perlaksanaannya 2014 hingga sekarang terdapat 3 buah ladang yang mencapai standard Brunei GAP

iii. Projek yang Berimpak Tinggi

- Projek meningkatkan pengeluaran beras Negara melalui pengeluaran padi hibrid dan padi hibrid varieti Titih dan pembangunan kapasiti (2012);
- Projek penanaman Varieti hibrid berhasil tinggi iaitu padi hibrid varieti Sembada 188 (2018).

Penyelidikan dan Penulisan :

- Menerbitkan kertas kerja oleh Aidah dan Graham mengenai kajian cendawan bertajuk, 'Pembibakan Cendawan *Pleurotus saju-caju*' (1986)
- Membuat thesis bertajuk '*Studies on the Mating Biology of Pleurotus saju-caju*' (1993)
- Menerbitkan *International Scientific Journal* bersama J F Pebedy, Aidah M Hanifah dan Jian-Hua Jia bertajuk, '*New Perspective on the Genetics of Pleurotus.*'

- Terlibat dalam penerbitan penyelidikan antaranya Majalah Penyelidikan Pertanian, Buku Teknologi Cendawan, a *combined Part I and Part II Medicinal Book of Brunei Darussalam*, juga beberapa *fact sheets*, booklet dan leaflet R&D di sepanjang perkhidmatan di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (1986-2003)
- Penulis utama di dalam penerbitan 2 siri buku *AGRICULTURAL POLICY AND INSTITUTIONAL REFORM – Experiences, Impacts and Lessons published by South East Asian Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA), The Philippines*, iaitu untuk *1st and 2nd Editions of Southeast Asian Agriculture and Development Premier (SAADP) series* (2013 dan 2015)

Lantikan Ahli Komiti Dalam dan Luar Negara :

- Ahli Mesyuarat Ke-9 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (1987)
- Pengerusi MABBIM bagi Jawatankuasa Istilah Pertanian (1994-2000)
- Secretariat to Task Force Committee In Relation To Jerambak Holdings Pty Ltd (2002)
- Ahli Jaksa Pelawat Pusat Pemulihan Dadah Rumah Al-Islah (2006)
- Secretariat to Board of Inquiry For Jerambak Holdings Pty Ltd (2006)
- Ahli Jaksa Pelawat Penjara Maraburong, Tutong (2008)
- Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Vokasional Wasan (2014)
- Dilantik sebagai *Governing Board Member of the SEAMEO Regional Centre for Tropical Biology (SEAMEO BIOTROP)*
- Ahli bagi ASEAN Working Group on Crops (AWGC)
- Pengerusi bagi Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN)
- Mempengerusikan dialog bersama peladang di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam
- Dicalonkan oleh Suruhanjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam bagi mengikuti Commonwealth Study Conference Leaders (CSCLeaders) di London dan Glasgow selama seminggu (2013)
- Pengerusi ahli atau ahli Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) dan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA)

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DR DAYANG WIDA SUSANTY
BINTI HAJI SUHAILI**
Assistant Professor,
School of Computing and Informatics
Universiti Teknologi Brunei (UTB)
Wida.suhaili@utb.edu.bn



Pendidikan :

- PhD, University of Edinburgh, United Kingdom
- PGCTE University Brunei Darussalam
- MSc in Computer and Internet Technologies, University of Strathclyde, Glasgow UK
- BSc in Computer Science, University of Strathclyde, Glasgow UK

Pengalaman :

- Tutor/Pensyarah, Institut Teknologi Brunei (ITB)
- Pensyarah/Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Brunei (UTB)
- Project Coordinator School of Computing and Informatics
- Penyampai dalam Simposium Majlis Ilmu 2016, Cabaran Keselamatan Siber Bagi Kesejahteraan Ummah.
- Menilai permohonan kepakaran untuk migration, naik pangkat.
- Membentang dan menilai pelbagai artikel peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- International Jury for Malaysian Polytechnics
- Certified Trainer, CISCO Networking Academy
- Penolong Profesor, Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Pencapaian :

- Anugerah
 - Hari Guru, UTB, Excellence Award, Special Mention 2018, 2017 & 2016
- Menulis pelbagai artikel akademik yang dibentangkan di persidangan dalam dan luar Negara
- Researcher in the Centre for Transport Research, Universiti Teknologi Brunei
- Project yang berimpak tinggi : Membuat penyelidikan ilmiah penyelidikan berkolaborasi dengan negara ASEAN dan Japan
 - ASEAN IVO Project 2018 : NAPC : Networked ASEAN Peat Swamp Forest Communities
 - ASEAN IVO Project 2018 : A mesh-topological, low-power wireless network platform for a smart watering system

Pengkhususan :

Internet of Things, Data Communications, eLearning, Innovation in Educations and Teaching, Teaching and Learning in Higher Education

Penyelidikan dan Penulisan :

- Haji Suhaili, W.S. (2006). Expert Findings on the Net. In the Proceedings of the First National Conference on ICT in Education 2006, Brunei Darussalam.
- Haji Suhaili, W.S. (2009). Perceived Benefits and Feedbacks of ITB technical instructors from attending PGCTE programmes. (2009) In the 3rd SEAVERN Workshop, Ho Chi Minh City, Vietnam.
- Wida Susanty Haji Suhaili, Haji Ady Syarmin Haji Taib, Chrisitine Jothy Raju, Sophiana Abdullah Chua (2010) Lecturers' perception on the importance of having workplace exposure, VTET Research and Networking, 2:1, SEAVERN journal
- Haji Suhaili, W.S. (2010). The strategies adopted to enhance students learning experience in CIS, ITB's perspective, (2010), Islamic University of Technology, Digital Library, Dhaka
- Haji Suhaili, W.S. (2014). Finding Ways to Assist Students with their Project Proposal (2014), Scottish Educational Research Association (SERA) Conference & WERA Focal Meeting, Edinburgh, United Kingdom
- Fatin Nadhirah Haji Ariffin, Au Thien Wan, and Suhaili Wida Susanty, (2015), Psychiatric Patients Monitoring Using RFID: An Affordable Approach, IEEE International Conference on Computer and Communications, (ICCC), Chengdu, China, 10-12 October
- Wida Susanty Haji Suhaili (2016); Cabaran Keselamatan Siber Bagi Kesejahteraan Ummah; Simposium Majlis Ilmu 2016, ICC, Brunei Darussalam, 23 -25 Ogos 2016
- Nurul Nadiah Haji Shahri, Au Thien Wan, Wida Susanty Haji Suhaili, (2016), "AHMS: Android Based Home Energy Management System. A Bruneian Case Study". International Journal of Applied Environmental Sciences (Accepted)
- Mohammad Aizuddin Daud and Wida Susanty Haji Suhaili (2016), "Internet of Things (IoT) with CoAP and HTTP Protocol: A study on which protocol suits IoT in terms of performance." International Conference in Computational Intelligence in Information Systems (CIIS), Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 18-20 November.
- Wida Susanty Haji Suhaili (2016), "Action research in transitional situations : Lesson for developing research-led pedagogical practice.", Virtual presented and Published paper with ICERI 2016, Seville, Spain, 13-16 November (2016)
- S.H.Shah Newaz, Wida Susanty Haji Suhaili, Gyu Myoung Lee, Mohammad Rakib Uddin, Alaelddin Fuad Yousif Mohammed and Jun Kyun Choi (2017), Towards realizing the importance of placing for computing facilities at the central office of a PON, the 19th IEEE International Conference on Advanced Communications Technology, (ICACT 2017) Korea, 19-22 February
- Fatin Hamidah M.A. Rahman, Au Thien Wan, Wida Susanty Haji Suhaili, Liu Yan, (2017). "Performance of MANET with IPsec under Jelly Fish Attack", 2nd IET Joint International Mechanical, Electronics, and Information Technology Conference (JIMET), Chongqing, China, 24-26 July
- Wida Susanty Haji Suhaili and Jeff Haywood, (2017). "A student-centered approach to ideas generation for projects: Is it a threat to creativity and innovation?" Journal for Nusantara Studies (JONUS) June 2017

- Ak Md Ismaruni Pg Haji Sani, S.H. Shah Newaz, Wida Susanty Haji Suhaili, Swabik Musa Abdalla Wani, Au Thien Wan, Sarwar Jahan (2017) TCP Performance Evaluation under MANET Routing Protocols in Disaster Recovery Scenario. 4th International Conference on Advances in Electrical Engineering
- Ali Kumar D.N.S.K.P., Au T.W., Suhaili W.S. (2017) Smart LED Street Light Systems : A Bruneian Case Study. In: Phon-Amnuaisuk S., Ang SP., Lee SY. (eds) Multi disciplinary Trends in Artificial Intelligence. MIWAI 2017. Lecture Notes in Computer Science, vol 10607. Springer, Cham
- NNH Shahri, AT Wan, WSH Suhaili (2017) AHEMS : Android Based Home Energy Management System. Journal of Engineering and Applied Sciences.12(11) 2939-2945
- Fatin Hamadah Rahman, Au Thien Wan, Newaz S.H. Shah and Wida Susanty Haji Suhaili (2018) Clustering VANET for Fog: The Current State of Art, ICCSN2018

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA CIKGU DAYANG ZAITUNAH
BINTI HAJI KURUS**
*Pegawai Pendidikan Tingkat Khas / Ketua Sekolah,
Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)*



Pendidikan :

- Diploma in Management and Leadership in School, National Institute of Education Singapore, 2013
- MSc in Aquaculture and Development, University of Stirling, 2009
- Post Graduates in Certificate Technical Education, 2002
- BSc (Hons) in Fisheries Studies, University of Plymouth, 1999
- BND in Agriculture (Fisheries Option), Sinaut Agriculture Training Center, 1995

Pengalaman :

1999 – 2009	Pegawai Perkembangan Program bagi Program Pertanian dan Perikanan Sekolah Vokasional Wasan Jabatan Pendidikan Teknik
2006 – 2009	Diperbantukan ke Sekolah Vokasional Wasan sebagai Ketua Jabatan Pengajian Pertanian dan menjadi tenaga pengajar bagi Units Pertanian dan Perikanan
2009 – 2014	Pemangku Timbalan Pengetua Akedamik Sekolah Vokasional Wasan
2014 – April 2016	Pemangku Pengetua Sekolah Vokasional Wasan
Mei 2016 – hingga kini	Ketua Sekolah, Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan IBTE Kampus Agroteknologi

Pencapaian dan Anugerah :

- Memperkembangkan dan menjalankan National Diploma and National Trade Certificate programmes bagi Sekolah Vokasional Wasan
- Memperkenalkan SVW JumpStart programme 2011 bagi Sekolah Contoh
- Dianugerahkan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-69 Tahun (2015)
- Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi SEAMEO BIOTROP 2016-2019
- Dilantik sebagai Pengerusi bagi SEAMEO BIOTROP Governing Board Meeting 2016 & 2017
- Dianugerahkan Guru Cemerlang dalam bidang Agro Teknologi sempena Hari Guru Kali Ke-27

Sumbangan dan Penglibatan :

- Panel Hakim bagi LiveWIRE Business Awards 2014-2015
- Panel Wawancara bagi Program Support YEDP, BEDB 2014
- Ahli Jawatankuasa Mempromosi & Mengamalkan Cara Hidup Sihat, Mukim Pengkalan Batu 2016-2018
- Ahli Jawatankuasa Peneraju Strategik Pembangunan Perniagaan Tempatan (Sektor Bukan Minyak dan Gas), 2016
- Mentor bagi program Master of Teaching, Universiti Brunei Darussalam, 2016-2017

Penyelidikan dan Penulisan :

- *Towards Sustainable Fishery Resources : BRUNEI DARUSSALAM Sustainable Fishery Development Workshop 2015*
National Taiwan Ocean University
- *21st Century Paddy Entrepreneur*
Brunei Teachers' Day International Conference 2012
International Convention Centre, Brunei Darussalam

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA PENGIRAN DATO PADUKA
HAJI ABD RAHMAN BIN PENGIRAN SERI INDERA
PENGIRAN HAJI ISMAIL**
*Pengurus Umum,
RZ Prisma Enterprise*



Pendidikan dan Keahlian :

- Bachelor of Science (Honours, Second Class Lower) dalam Electrical and Electronics Engineering dari Portsmouth Polytechnic, United Kingdom pada tahun 1981.
- Member of Institution of Electrical Engineers.

Pengalaman :

- Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.
- Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
- Pengarah Penerbangan Awam, Jabatan Penerbangan Awam.
- Pengarah Pelabuhan, Jabatan Pelabuhan.
- Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Perhubungan.
- Timbalan Pengarah Penerbangan Awam, Jabatan Penerbangan Awam.
- Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Perhubungan.
- Ketua Pegawai Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam.
- Pegawai Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam.
- Ketua Delegasi Perundingan Perkhidmatan Udara di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Sahabat.
- Ketua Delegasi ke beberapa mesyuarat di peringkat APEC, ASEAN, BIMP-EAGA.
- Pengerusi beberapa Kumpulan Kerja di peringkat ASEAN dan BIMP-EAGA.
- Ahli Delegasi ke Perundingan Berbagai Pihak Pengangkutan Udara.
- Pengerusi beberapa Jawatankuasa di peringkat Kebangsaan.
- Ahli Jawatankuasa Lembaga Penasihat Yayasan Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam bagi sesi 2018 - 2021.
- Ahli Lembaga Pengarah bagi Kooperasi Kesuma Mekar Berhad.
- Penasihat bagi Majlis Perundingan Kampung Katok "A".

Pencapaian :

- Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan
 - Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (DPMB).
 - Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (SNB).
 - Darjah Seri Paduka Makhota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (SMB).

- Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (PSB).
- Pingat Jasa Kebaktian (PJK).
- Pingat Jubli.
- Pingat Kerja Lama (PKL).

**SEMINAR
(MODERATOR)**

YANG MULIA DR AWANG HUSSEIN BIN HAJI TAHA

*Pensyarah,
Fakulti Sains,
Universiti Brunei Darussalam (UBD)*



Pendidikan :

- PhD Biology (Imperial College London)
- MSc Biotechnology (University of Essex)
- BSc Biological Sciences (UBD)

Pengalaman :

- Tutor (UBD, 2007-2008)
- Pensyarah (UBD, 2008-kini)
- Penyelaras Program
- Penasihat Discovery Year
- Pembimbing Kerja
- Ahli Pakar Makmal Kebangsaan Brunei Darussalam
- Ahli Brunei Nature Society
- Ahli Persatuan Sains dan Teknologi Makanan Brunei Darussalam
- Ahli Skim Insentif Penyelidikan Brunei
- Ahli Jawatankuasa Saintifik Persidangan Antarabangsa bertemakan Krisis Biodiversiti di Pulau-Pulau Tropika
- Ahli Jawatankuasa Minggu Sains dan Teknologi UBD
- Ahli Jawatankuasa Saintifik Persidangan ASEAN bertemakan Makanan
- Pelapor Persidangan Antarabangsa Pasaran Halal

Pencapaian :

- Hadiah Bioteknologi (University of Essex)
- Hadiah Buku (UBD)

Pengkhususan :

- Bioteknologi

Penyelidikan dan Penulisan :

- Penyelidikan tertumpu kepada bioteknologi tumbuh-tumbuhan, bioteknologi mikro dan DNA barcoding.
- Terlibat di dalam pelbagai geran dan projek penyelidikan termasuk projek kerjasama alam sekitar ASEAN-Korea yang ditaja oleh Korea Selatan dan juga expedisi saintifik yang ditaja oleh geran penyelidikan Rufford Foundation, United Kingdom.
- Hasil penyelidikan diterbitkan di jurnal akademik antarabangsa atau serantau dan juga dibentangkan di persidangan luar negara.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

YANG MULIA DR. MIKDAR RUSDI
*Penolong Kanan Profesor,
Dekan Fakulti Usuluddin,*
**Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
(KUPU SB)**



Pendidikan :

- PhD. UKM, Fakulti Pengajian Islam Jabatan al-Qur'an dan Sunnah Bangi, Selangor DE. Malaysia.
- M.A. UKM, Fakulti Pengajian Islam Jabatan al-Qur'an dan Sunnah Bangi, Selangor DE. Malaysia.
- BA. Universiti Al-Azhar Cairo Mesir, Kuliah Usuluddin Takhassus Tafsir Al-Qur'an.

Pengalaman Kerja :

- Dekan Fakulti Usuluddin Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan KUPU SB.
- Penolong Kanan Profesor KUPU SB.
- Pensyarah Kanan DS51 UTHM Johor Malaysia November 2009- April 2017.
- Ketua Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum UTHM Johor Malaysia.
- Felo Penyelidik Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah UTHM Johor Malaysia.
- Penyelaras Program Siswazah Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM (2014-2015).
- Penyelaras Program Baharu Sarjana Muda Sains (Dakwah dengan Teknologi Multimedia) dengan Kepujian Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM (2012-2016).
- Ketua Makmal (Penyelaras Galeri Ilmu) Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM 2012-2013.
- Penyelaras Kursus Pengajian Moral UWA10202 Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM 2010-2013.
- Kordinator Humas dan Publikasi Kerukunan Keluarga Sulawesi Selatan (KKSS) Perwakilan Utama di Malaysia. Mac 2006-2008.

Penulisan :

Telah menulis puluhan karya ilmiah dalam bentuk buku, journal dan prosiding seminar yang dibentangkan di dalam dan luar negara. Antaranya :

1. Inovasi Sosial Ke Arah Kelestarian Insan (Buku 2017, Penerbit UTHM).
2. Irsyad Kepada Ayat-Ayat Al Mutasyabihat Mengikut Ahlisunnah Wa Al-Jamaah (al-`asa`irah dan al-maturuidiyah) Dalam Tafsir Al Quran Pimpinan Al Rahman. 2017, penerbit: Sekertariat menangani isu-isu aqidah dan syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Mufti Johar.

3. Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Perspektif al-Qur`an (Buku, 2010 Penerbit UTHM).
4. Konotasi Angka dalam Al-Quran suatu Pendekatan Tafsir Maudu`i (Buku 2014, penerbit UTHM).
5. Tafsir Maudu`iy : Pemeliharaan alam sekitar (Buku, Cet. Kedua 2015, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka)
6. Tafsir Maudu`iy : Pemeliharaan alam sekitar (Buku, Cet. Pertama 2014, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka).
7. Titisan Nadi Ilmu kompilasi artikel ilmiah terpilih (Buku 2015, Penerbit Trussmedia Grafika Yogyakarta Indonesia).
8. Antara Kasih dan Naungan (Buku 2012, Penerbit UTHM).
9. Contribution of animal and plants to the human sustainability in the light of al-Quran as thematical approach_Seminar antarabangsa INSAN 2017 MELAKA MALAYSIA.
10. Bentuk-bentukmukjizatal-Quran,(Nadwa Nuzulal-Quran,Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan 15 Jun 2017M / 20 Ramadhan 1438H, Dewan Tarbiyah KUPU SB).
11. Pengenalan Kepada Konsep Warisan Islam dan Pemeliharaannya Menurut Perspektif Al-Quran (Journal Techno-Social Vol. 4, No. 2 (2012, ISSN : 2229-8940).
12. Al-Quran dan Fungsi Air Sebagai Penentu Kelestarian Insan Dalam Kehidupan (3rd International Conference on Human Sustainability INSAN 2016, 15-16 November 2016 Pekanbaru Indonesia).
13. Peranan Nabi dan Rasul Sebagai Asas Pengkajian Ilmu Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam al-Quran (3rd International Conference on Muslim Community Development in ASEAN, DK2 UTHM, 26 Mac 2016) .
14. Al-Quran Sebagai Motivator Kepada Pembelajaran Sains, Teknologi Dan Kejuruteraan (Seminar Science Technology Engineering Mathematics STEM 2016, 18-19 Februari 2016, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM).
15. Al-Quran dan Peranan Flora dan Fauna Dalam Kelestarian Insan (Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan INSAN 2014 UTHM).
16. Mengenali Tafsir Maudu`i dan Sejarah Perkembangannya (Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 UTHM 2012).
17. Al-Qur`an dan fungsi lapisan atmosfera suatu pendekatan tafsir maudu`i (Makalah, Seminar Antarabangsa SWAT2011 USIM 2011).
18. Penghijrahan Masyarakat Bugis ke Alam Melayu : Kajian Kes Bugis di Indragiri Hilir Riau (Makalah, Seminar Antarabangsa Serumpun Melayu UNHAS Indonesia 2011).
19. Konsep Warisan Dalam al-Quran Suatu Tinjauan Tafsir Maudu`i (Makalah, Seminar Antarabangsa Sejarah dan Warisan Empayar Johor Riau 2010).

Penyelidikan :

Telah menyelesaikan beberapa hasil penyelidikan dalam bidang tafsir al-Quran dan alam sekitar.

Kepakaran :

Bidang Tafsir al-Quran.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA PROFESOR
DR AWANG HAJI MAHAYUDIN BIN HAJI YAHYA**
*Profesor Sejarah dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)*



Pendidikan :

- PhD Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Exeter, United Kingdom.
- MA Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Exeter, United Kingdom.
- BA Pengajian Arab dan Islam, Universiti Cairo, Mesir.
- Dip. Ed. Universiti Ain Shams, Mesir.

Pengalaman :

- Tutor / Pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Profesor Madya Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Profesor Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Ketua Jabatan Sejarah, UKM
- Ketua Pemeriksa Kertas Sejarah STPM, Malaysia
- Profesor Madya Kunjungan/kontrek Universiti Brunei Darussalam (UBD)
- Profesor Tamadun Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
- Penyelaras Program Lepas-Ijazah, Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UNISSA,
- Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UNISSA
- Penubuhan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA
- Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA

Penyelidikan dan Penulisan :

- Telah menyelesaikan 35 kajian ilmiah dalam bidang sejarah dan tamadun Islam di antaranya Budaya Kerja Masyarakat Islam, Ensiklopedia Sejarah Islam (6 Jilid), Ensiklopedia Negara Zikir (5 Jilid – 2 Jilid sudah terbit), buku teks Sejarah dan Tamadun Islam, dan yang terkini Teori `Umran.
- Kira-kira 40 buah buku dan 100 buah artikel telah disiarkan di dalam jurnal antarabangsa. Buku Sejarah dan Tamadun Islam terbitan Oxford Fajar telah menjadi Buku Teksi di sekolah-sekolah dan Pusat-Pusat Pengajaran Tinggi (IPT) Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Yang terkini buku Teori `Umran (versi Melayu dan Inggeris) terbitan UNISSA Press 2018.

Anugerah :

- Anugerah Kualiti UKM Tahun 1997 (Anugerah Khas 20 Tahun Perkhidmatan di UKM).
- Tokoh Sejarawan dalam Who's Who in the World. 17th Edition 2000-
- Anugerah Staff Cemerlang 2016 bagi Kategori Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan (Senior Career), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
- 12 Ucaptama (keynote speaker) di peringkat antarabangsa
- Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) 2018, Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA USTAZ DR AWANG HAJI NORALIZAM
BIN HAJI ALIAKBAR**

**Pengarah Pusat Ilmu Teras,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
(KUPU SB)**



Dr Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, lahir pada 17 November 1974M bersamaan dengan 2 Zulkaedah 1394H di Kampung Pandai Besi B, Mukim Burong Pinggai, Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan. Mula berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 31 Ogos 2000 secara tetap dan menjawat jawatan sebagai Pegawai Ugama dan bertugas di Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) sehingga 2009. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (B.A) (Kepujian), Kuliah Syariah Islamiah, Universiti Al-Azhar, Kaherah Mesir pada tahun 1999, Ijazah Sarjana (M.A) (Kepujian) Syariah, Universiti Jordan, Amman Jordan pada tahun 2009. Pada tahun 2014 telah memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) (Kepujian) Syariah, Takhasus Fiqh wa Usul Fiqh, Universiti Jordan, Amman Jordan. Merupakan anak Brunei pertama yang memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Jordan.

Mula berkhidmat di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada Januari 2010 sebagai Pensyarah di Fakulti Syariah. Pada 1 Julai 2016 sehingga kini diamanahkan untuk menjadi Pengarah Pusat Ilmu Teras KUPU SB di samping tugas sebagai Pensyarah di Fakulti Syariah. Beliau juga pernah dilantik Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB yang pertama (1 Mac 2015 – 31 Disember 2015) dan Dekan Pelajar KUPU SB (4 Januari 2016 – 30 Jun 2016). Pada bulan Januari 2016 sehingga kini dilantik menjadi ahli pemerhati mewakili Kementerian Hal Ehwal Ugama di Persidangan International Islamic Fiqh Academy (مجمع الفقه الإسلامي الدولي).

Beliau dilantik menjadi Ahli Senat KUPU SB bermula dari 4 Januari sehingga kini. Beliau juga dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pengelola Program Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah KUPU SB bermula 19 Januari 2017 sehingga kini. Pada masa ini beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Cawangan Brunei Darussalam. Beliau juga aktif dalam bidang Kokurikulum di mana beliau telah dilantik menjadi Timbalan Pengerusi II Jawatankuasa Pemantau Program Kokurikulum KUPU SB bermula 1 Januari 2017 serta menjadi Fasilitator Nadi Usahawan Muda KUPU SB. Beliau juga sering memberikan ceramah dan bengkel yang berkaitan dengan keusahawanan, antaranya Program Usahawan Berkariah dan Program Asas Berkariah anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta pernah menjadi mentor kepada mahasiswa dan mahasiswi Negara Brunei Darussalam dalam rancangan Xpedisi Siswa terbitan Radio Televisyen Brunei dan MediaCorp Singapura 2015 yang bertemakan keusahawanan.

Pengkhususan beliau dalam bidang penyelidikan dan penulisan adalah dalam bidang Fiqh Muamalat, kewangan dan keusahawanan Islam. Beliau merupakan Pensyarah bagi kursus Fiqh Muamalat, Kewangan Islam dan kursus Keusahawanan Dalam Pendidikan Islam di KUPU SB.

Beliau sering juga menjadi pembentang seminar dalam dan luar negara dan sehingga ke hari ini masih aktif memberikan ceramah-ceramah dan kuliah-kuliah agama di seluruh negara serta penceramah jemputan untuk rancangan-rancangan keugamaan di televisyen dan radio terbitan PDI, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan penerbitan swasta.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DR AWANG ABDUL NASIR
BIN HAJI ABDUL RANI**

*Penolong Kanan Profesor / Dekan
Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm),
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)*



Pendidikan :

- Diploma Bahasa Arab dengan Pendidikan (Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin - KUSZA) Kuala Terengganu, 1995
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Islam Syariah (Universiti Brunei Darussalam - UBD), 2000
- Ijazah Sarjana Ekonomi dan Perbankan Islam (Universiti Yarmouk) Jordan, 2003
- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat (Universiti Sains Islam Malaysia - USIM), 2010

Pengalaman :

- Guru Sambilan, Mahad Islam Brunei, 1996
- Tutor, Jabatan Syariah, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (IPISHOAS), UBD, 2004
- Pensyarah Jabatan Syariah, IPISHOAS, UBD, 2004-2008
- Penyelaras Pengajian Lepas Ijazah, IPISHOAS, UBD, 2005-2006
- Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), UNISSA, 2008-2010
- Pensyarah, Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan (FPSP), UNISSA, 2010-2012
- Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i (PPMS), UNISSA, 2011
- Pengarah, Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, UNISSA, 2012-2014
- Pensyarah Kanan, FPSP, UNISSA 2012-2016
- Pengarah, PPMS, UNISSA, 2014-2015
- Dekan, FPSP, UNISSA 2015-2016
- Dekan, FEKIm, UNISSA, 2016 – sekarang
- Pensyarah Kanan, FEKIm, UNISSA, 2016-2018
- Penolong Kanan Profesor, FEKIm, UNISSA, 2018 hingga sekarang
- Ahli Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Brunei 2014 hingga sekarang
- Ahli Badan Penasihat Syariah BIBD (Middle East) Dubai, 2016 hingga sekarang
- Ahli Badan Penasihat Syariah al-Furqon Holdings (B) Sdn. Bhd., 2017 hingga sekarang

- Timbalan Setiausaha Majlis Perundingan Mukim (MPM) Keriam Tutong, 2017 hingga sekarang
- Pengurusi Jawatankuasa Dana Maslahat Umum dan Zakat BIBD, Brunei, 2018 hingga sekarang
- Ahli Jawatankuasa Pandu Leadership in Islamic Finance and Economics (LIFE) Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM), 2018 hingga sekarang

Pencapaian :

- Anugerah Kecemerlangan Pentadbiran bagi Anugerah Staf Cemerlang 2017, UNISSA
- Best Paper Award for Islamic Banking, 2017, 5th ASEAN Universities International Conference on Islamic Finance (5th AICIF)
- Anugerah Kecemerlangan Pentadbiran bagi Anugerah Staf Cemerlang 2016, UNISSA
- Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Kategori Kertas Cadangan, 2016, Jabatan Perdana Menteri
- Pingat Indah Kerja Baik (PIKB), 2016
- Tempat Kedua, Peraduan Penulisan Seni Kreatif Islam, 2007, Pusat Dakwah Islamiah
- Tempat Ketiga, LiveWIRE Brunei Business Plan Awards 2006 – 2007, HSBC & BSP

Pengkhususan :

- Syariah
- Ekonomi Islam
- Kewangan Islam
- Perbankan Islam
- Pentadbiran Muamalat

Penyelidikan dan Penulisan :

- Membentang lebih daripada 30 buah kertas kerja di dalam beberapa siri seminar / konferensi kebangsaan dan antarabangsa sama ada yang diadakan di dalam dan di luar negara.
- Menghasilkan tujuh (7) buah buku secara perseorangan.
- Menghasilkan dua (2) bab di dalam buku.
- Menghasilkan lapan (8) artikel di dalam jurnal.
- Sedang mengetuai penyiasatan Kamus Istilah Ekonomi: Teori Ekonomi – Ekonomi Analisis – Ekonomi Pembangunan - Ekonomi Perancangan – Ekonomi Islam.

**SEMINAR
(MODERATOR)**

YANG MULIA DR DAYANG JOYCE TEO SIEW YEAN

Assistant Vice-Chancellor (Global Affairs),

Universiti Brunei Darussalam (UBD)

e-mail: siewyan.teo@ubd.edu.bn



Dr Joyce Teo was appointed as the Acting Assistant Vice-Chancellor (Global Affairs) at Universiti Brunei Darussalam in March 2014. Her office oversees the international relations, internationalisation development and activities of the university. In the past four years since UBD joined QS, UBD has ranked number 1 in QS Asia ranking consecutively for Student Outbound Mobility and UBD has also ranked number 1 in QS Asia in these two years for Student Inbound Mobility.

Dr Teo joined UBD almost 23 years ago. Her previous appointments at Universiti Brunei Darussalam include the Dean of School of Business and Economics, Director of International Office as well as the Director of the Institute of Policy Studies. She has also been the Deputy Dean of Graduate Studies & Research, Deputy Director of the Language Centre as well as the Coordinator of APEC Studies Centre at UBD. At the moment, she is also appointed as one of the Competition Commission Member of Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD).

Dr Teo received the Honorary Medal Award, Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (SMB) in 2013 and Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) in 2009.

She also served as Resource Person on a number of projects to different Ministries involving economic perspectives such as for youth employment, transportation and communications, international trade, SMEs, HRD, Unemployment and Economic Growth.

Her other professional appointments include Member of APEC HRD Working Group (where she was nominated as the Lead for the Capacity Building Network), APEC Study Centers Consortium, and she was also appointed as the Country Lead Representative for Track II Projects such as ASEAN Economic Community (AEC), East Asia Free Trade Area (EAFTA), and Comprehensive Economic Partnership for East Asia (CEPEA). For many years before 2012, Dr Teo has been the Panel Judge for the Hong Kong & Shanghai Bank Corporation's Youth Entrepreneur Award. Between 2007 and 2017, Dr Teo has also collaborated with Economic Research Institute for ASEAN and East Asian (ERIA) on several projects including the Chapters on Brunei Darussalam in the ASEAN 50 publications as well as the Mid-Term Review project on AEC.

She received her PhD Economics in 2004 from the University of Queensland where she majored in Labour Economics and Econometrics. Dr Teo also spent three months at Duke University's Sanford School of Public Policy in 2012 as Visiting Scholar. She has co-edited a book with her UBD colleagues entitled "Small Economies, Global Economics", published by Nova Publisher on an economic conference that she has organised. Dr Teo is fluent in both English Language and Bahasa Melayu.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DR DAYANG HAJAH MAY FA'EZAH
BINTI HAJI AHMAD ARIFFIN**
*Setiausaha Tetap (Ekonomi),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*



Dr Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin dilahirkan pada 25 Mei 1974.

Beliau memulakan perkhidmatan selaku Tutor di Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1998 dan seterusnya menjadi Pensyarah Ekonomi. Pada tahun 2011 beliau telah dilantik menjadi Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Pada 1 November 2014 beliau seterusnya dilantik menjadi Penasihat Kanan kepada Pengarah Eksekutif di International Monetary Fund, Washington D.C.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di Jabatan Perdana Menteri pada 3 November 2015 dan seterusnya Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada 20 September 2018.

Dr Dayang Hajah May Fa'ezah memperolehi ijazah Doktor Falsafah (PhD in Economics) dari University of Kent, United Kingdom pada tahun 2009, ijazah Sarjana (MSc in Economics) dari University of Warwick pada tahun 2000 dan ijazah Sarjana Muda (BA) di bidang Ekonomi dan Bahasa Inggeris dari Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1998.

Beliau telah dianugerahkan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia (PSB) pada tahun 2012.

Dr Dayang Hajah May Fa'ezah berkahwin dengan Awang Mahri bin Haji Latif pada tahun 2000 dan dikurniakan dengan tiga orang cahayamata.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DAYANG HAJAH TUTIATY
BINTI HAJI ABDUL WAHAB**
Timbalan Setiausaha Tetap
(Pengurusan, Koperasi dan Perindustrian),
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia)
dan Perindustrian



Pendidikan :

- BA (Dasar dan Pentadbiran Awam), Universiti Brunei Darussalam.

Pengalaman :

- 1995 – 1997
Bertugas di Bahagian Perancangan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan bertanggungjawab dalam penyediaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-6.
- 1997 – 2005
Dipindah ke Unit BIMP-EAGA, Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di Bahagian Promosi dan Pelancongan dan juga di Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Perkembangan Perdagangan.
- Ogos 2005 – Mac 2017
Berpindah ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan pada bulan Ogos 2005 menangani isu-isu berkaitan dengan hal ehwal perdagangan dan kerjasama ekonomi dua hala, serantau seperti BIMP-EAGA, ASEAN dan berbagai-hala dengan rakan-rakan dialog ASEAN.
- Menangani perundingan-perundingan kawasan perdagangan bebas dua hala, serantau dan berbagai hala.
- Mac 2017
Berpindah ke Jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri menangani isu-isu berkaitan dengan IT, e-Kerajaan dan Industri.
- Sekarang bertugas di Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian menangani isu-isu seperti pembangunan industri halal, koperasi dan sains, teknologi dan inovasi.

Anugerah :

- Pingat Jubli Emas (Perak), 2017
- Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (SMB), 2016
- Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (PSB), 2011
- Pingat Indah Kerja Baik (PIKB), 2007

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DAYANG MARIANI
BINTI HAJI SABTU**
*Pemangku Pengarah Perikanan,
Jabatan Perikanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*



Pendidikan :

- 1970-1977 : Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkurong
- 1978-1982 : Maktab Sains @ Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara
- 1983-1984 : Pusat Tingkatan Enam, Gadong
- 1985-1988 : Humberside College of Higher Education, United Kingdom - BSC Fisheries Study

Pengalaman Kerja :

- Oktober 2018 hingga sekarang : Pemangku Pengarah, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
- 2016 - Oktober 2018 : Pemangku Timbalan Pengarah, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Tanggungjawab Utama : Projek dan pelaburan baru, ekses pasaran eksport, pengukuhan kapasiti biosekuriti sektor perikanan.
- 2015-2016 : Bahagian Dasar dan Perancangan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Tanggungjawab Utama: melaksanakan inisiatif menambah-baik dan mengemasaskan proses dan prosidur di Jabatan-Jabatan di bawah KSSUP termasuk pengimportan daging halal; mendapatkan pengiktirafan dan kebenaran pengeksportan ke pasaran EU.
- 1987 : Pengalaman kerja dengan The Highland Salmon Farm Pte. Ltd., Scotland.
- Co-Author of Technical Manual on Processing of Marinated Fish (Brunei Darussalam).
- Co-Author of Technical Manual on Processing of Battered and Breaded Fish Burger and Nugget (Brunei Darussalam).
- 2001-2004 : Country Coordinator for APEC Marine Resources Conservation Working Group.
- 2001-2004 : Country Coordinator for APEC Fisheries Working Group.
- 1996-2003 : Certified HACCP Trainer.
- 1995-1999 : Country Coordinator for ASEAN-Canada Fisheries Post-Harvest Technology Projects.
- 1997-1999 : Member of the Working Group on HACCP Curriculum Development for ASEAN.

**SEMINAR
(MODERATOR)**

**YANG MULIA DR DAYANG HAJAH NORHAYATI
BINTI HAJI AHMAD**
Pengarah,
***Institute for Biodiversity and Environmental Research,
Universiti Brunei Darussalam (UBD)***



Kelayakan Akademik :

- PhD in Biological Sciences, University of Warwick, United Kingdom (2008)
- MSc in Human Reproductive Biology, Imperial College of Science, Technology & Medicine, London, United Kingdom (2000)
- BSc (Hons) Biochemistry, University of Wolverhampton, United Kingdom (1999)

Pengkhususan :

- Biologi Perkembangan (*Developmental Biology*)
- Analisis Bioaktiviti Tumbuhan Ubatan dan Herba (Biological Analysis of Medicinal Plants and Herbs)

Aktiviti Kajian :

- Saintis pelawat di Universiti Malaya, Malaysia, Karolinska Institute, Sweden dan Old Dominion University, USA.
- Ahli penyelidik di dalam beberapa geran penyelidikan di Universiti Brunei Darussalam.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DAYANG NORIZMAH
BINTI HAJI AWANG AHMAD MORSHIDI**

*Pengurus Am,
Ideal Food Industries Sdn Bhd,
izedh@yahoo.com*



Pendidikan :

- Sekolah Tadika hingga Tingkatan 3 – Di Sekolah St. George's, Brunei (1985–1997)
- Tahun 10 hingga Tahun 12 – Di Sekolah St.Catherine's, Melbourne Australia (1998–2000)
- Ijazah Sarjana Muda – Di La Trobe University, Melbourne Australia (2001–2004)

Pencapaian :

- Ijazah Sarjana Muda Seni (Dalam Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial)

Penglibatan / Pengalaman (Sewaktu di Sekolah) :

- Kelas Pertolongan Cemas – Kurikulum tambahan di Sekolah Menengah.
- Program Pertukaran Pelajar ke Kuala Lumpur - mendalami lebih lanjut "Bahasa Melayu" di University Kebangsaan, Malaysia (16 Jun – 17 Julai 2003).
- Bekerja di Pusat IT selama seminggu untuk mempelajari asas penggunaan komputer.
- Bekerja di Ideal Café selama sebulan setengah (2005).
 - o Mempraktikkan sendiri bekerja di dapur dan kaunter untuk lebih memahami piawaian syarikat.
- Menjalani latihan di Kilang Pengeluaran Makanan Ideal
 - o Mengawasi dan mengendali pekerja kilang.
 - o Mempraktikkan sendiri pembuatan produk seperti burger patty, sosej dan lain-lain sebagai tugas harian di loji pengeluaran.

Pengalaman Kerja :

Saya mula bekerja di Syarikat Ideal Food Industries Sdn Bhd pada tahun 2005 kira-kira dalam 13 tahun sebagai Pengurus Am.

Sejak saya mula bekerja, ini adalah tanggungjawab yang saya lakukan secara rutin :-

- Mengurus dan mengawasi operasi dan semua kegiatan perjalanan harian kafe.
- Mengendali perusahaan sesuai dengan visi dan misi syarikat.
- Mengatur dan mengendali pelbagai aktiviti luar seperti gerai (booth) dan majlis-majlis catering.
- Menggubal dasar, peraturan dan *Prosedur Operasi Standard (SOP)* bagi seluruh operasi kilang dan kafe untuk meningkatkan proses kerja dan memastikan pematuhan piawaian.

- Menangani masalah yang tidak dapat diatasi oleh bawahan seperti masalah tatatertib pekerja, menyusun rencana kerja, melatih pekerja dan membuat keputusan tindakan disiplin ke atas pekerja yang bermasalah.
- Mewakili Syarikat apabila berurusan dengan Pembekal / Pelanggan dan juga dengan badan-badan penting seperti badan-badan kerajaan dan lain-lain.
- Menganalisis prestasi perbelanjaan memastikan perbelanjaan dan pelaksanaan jam manusia dan kos dengan betul dipantau dan dikawal.
- Menyemak dan meluluskan invois dan pesanan pembelian pembekal setiap bulan seterusnya meluluskan pembayaran untuk dilunaskan kepada pembekal.
- Perancangan pelan pembangunan cawangan baru dan Perancangan Pengeluaran produk baru, R&D dan Rekabentuk untuk penambahbaikan yang berterusan ke atas kualiti produk, kecekapan keseluruhan loji, perusahaan dan kafe.
- Mengaudit makanan, penyediaan perkhidmatan, kewangan dan kebersihan setiap premis kafe.
- Memastikan jaminan kualiti dan kawalan makanan dan kebersihan setiap premis di tahap yang memuaskan.
- Bekerjasama rapat membina pasukan dengan kakitangan pekerja dan pemasaran produk untuk memenuhi kehendak setiap pelanggan dan trend.
- Melapor secara langsung kepada Pengarah Urusan setiap rancangan, pelan susun atau aktiviti langsung yang berlaku.
- Menghadiri pertemuan, seminar, persidangan mahupun pelatihan yang dijemput.

Kursus dan Program Terlibat :

- Kursus pengeluaran ayam pedaging dan vaksinasi, Februari 2007
- Kursus berkaitan penyakit-penyakit ayam (*poultry*) dan cara merawat, Ogos 2007
- Kursus Program Kesedaran Piawaian dan Peningkatan Kualiti “Asas Kepada Pembungkusan dan Perlabelan”, November 2008
- Kursus Program Persyaratan Dasar HACCP “Tatacara Pengurusan Stor dan Kawalan Pengedaran”, November 2008
- Program kesedaran Piawaian dan Peningkatan Kualiti “Pengenalan kepada Keselamatan Didalam Pelembutan Makanan”, November 2008
- Kursus Program Persyaratan Dasar HACCP “Tindakan Dalam Menangani Kecacatan Produk”, Disember 2008
- Kursus Program Persyaratan Dasar HACCP “Program Penanganan Haiwan Perosak dan Kawalan Kimia”, Disember 2008
- Kursus Program Persyaratan Dasar HACCP “Program Sistem Pengolahan Kualiti Air dan Pengurusan Sisa”, Januari 2009
- Kursus Program Persyaratan Dasar HACCP “Program Penyelenggaraan Pencegahan dan Penentukan”, Januari 2009
- Kursus Program Persyaratan Dasar HACCP “Program Latihan untuk Kakitangan Kyarikat”, Februari 2009
- Program Mengenali HACCP, Jun 2012
- Kursus GMP dan pengenalan HACCP, Julai 2012

- Kursus Latihan “Meningkatkan Tahap Kesedaran Terhadap Kepentingan HACCP”, Disember 2012
- Kursus Membangun dan Mencipta Manual HACCP, Jun 2013
- Kursus Latihan Produk Kimia RIB, September 2013
- Kursus Latihan Pest Control ISS, September 2013
- Kursus Latihan Produk Kimia Protek, November 2013
- Program Membangun dan Menghasilkan Manual HACCP dan Tatacara Mengaudit HACCP, November 2013
- Kursus Latihan Audit Kualiti Dalaman, Januari 2014
- Taklimat “Sampling Guidelines” (Sesi Dua), Februari 2014
- Program Pengenalan kepada Penentukan, 11 Julai 2015
- PENCERAMAH JEMPUTAN di Sekolah Perdagangan, Oktober 2015
- Kursus Latihan Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan, Oktober 2015
- Kursus Latihan ‘PERKHIDMATAN PELANGGAN “SUPERIOR” – Mengenali Unsur Kritikal Dalam Menangani Perkhidmatan Pelanggan Kelas Dunia – September 2016
- Kursus Latihan ‘INTRODUCTION TO CALIBRATION’ – Oktober 2016
- Kursus latihan “HACCP INTERNAL AUDIT TRAINING” – Oktober 2016
- Kursus Latihan ‘DISCIPLINE INQUIRY WORKSHOP – Handling Disciplinary Procedures and Conducting Domestic Inquiry’ - November 2016
- Kursus Latihan ‘Essential Business Writing Skills : Principles & Practical Applications’ – Disember 2016
- Kursus Latihan ‘INTRODUCTION TO CALIBRATION Part 2’ – Mei 2017

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DAYANG ERNI NASRIAH
BINTI HAJI ABDURRAZAK**

*Pengurus,
Erlin Jaya Enterprise*



Pendidikan :

- Sekolah Menengah dalam bidang Ekonomi.

Kepakaran :

- Menceburui usaha penternakan selama 12 tahun, bermula dari import ternakan dari Sabah Malaysia, untuk dibekalkan kepada peladang-peladang kecil dan sederhana sehingga menternak sendiri selama 3 tahun.

Jenis Perniagaan :

- Penternakan Itik.

Jenis Perniagaan :

- Telur Kurang Masin dan Telur Kurang Masin Panggang.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DR DAYANG LILLY SUZANA
BINTI HAJI SHAMSU @ SAMSU**
*Penolong Profesor / Dekan Fakulti Usuluddin,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)*
lilly.shamsu@unissa.edu.bn



Pendidikan :

- Ph.D Hadith, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur, Malaysia (2010).
- MA Hadith, Universiti Jordan, Amman, Jordan (2003).
- BA (HONS) Usuluddin, Universiti Al-zhar, Kaherah, Mesir (1997).

Pengalaman :

- Penolong Profesor dan Dekan Fakulti Usuluddin di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam (2016)
- Pensyarah di Fakulti Usuluddin, IPISHOAS, Universiti Brunei Darussalam (2003).
- Tutor di Fakulti Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (IPISHOAS), Universiti Brunei Darussalam (2000)
- Pegawai Perkembangan Ugama di Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam (1998)

Pengkhususan :

Pengkhususan beliau ialah pengajian sunnah atau hadis termasuklah penghuraian berkaitan syarah hadith kepada hadith-hadith yang secara zahirnya mempunyai pertentangan atau apa yang dikenali sebagai Musykil al-Hadith atau Muktalaf al-Hadith.

Penyelidikan dan Penulisan :

Beliau juga cenderung melakukan penyelidikan terhadap aplikasi sunnah dalam pada zaman sekarang. Justeru, beliau kini sedang melaksanakan penyelidikan dalam isu "Living Hadis" bersama rakan strategik dari universiti negara jiran. Selain itu, beliau juga terlibat bersama rakan penyelidik di UNISSA mengkaji mengenai konsep Wasatiyyah sebagai mekanisme yang memacu kejayaan nusa dan bangsa. Kajian ini telah selesai dan dalam proses penerbitan sebuah jurnal khas. Tidak ketinggalan beliau turut mengkaji dan menghasilkan tulisan mengenai isu wanita dalam kertas-kertas akademik dan separa akademik antaranya isu wanita muslimah dan alam siber, kemuliaan wanita dalam bicara sunnah, wanita-wanita berkerjaya pada zaman Baginda Rasulullah sallallahu 'ala'hi wasallam. Dalam pada itu, beliau juga sering melibatkan diri dalam khidmat komuniti dengan memberikan ceramah, bengkel dan forum dalam usaha untuk memanfaatkan segala ilmu untuk diraih bersama dan jurang dunia kampus dengan masyarakat dapat diperkecilkan.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DAYANG NURLIYANA FATIN
BINTI ARIFIN**
*Presiden,
Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB)*



Fatin Arifin seorang belia yang berwawasan untuk membantu negara mencapai Wawasan 2035. Selain bekerja sepenuh masa sebagai Pengurus, Pemasaran, Pembangunan Produk dan Perolehan di Perbadanan Antarabangsa Ghanim (bruneihalalfoods), beliau juga aktif terlibat di pelbagai persatuan seperti Persatuan Usahawan Muda Brunei, Chevening Alumni Brunei dan Society for Community Outreach and Training di antara lain. Beliau termasuk menjalankan perniagaan dan perjalanan di seluruh dunia dalam pelbagai kapasiti termasuk Commonwealth, APEC dan ASEAN termasuk meneraju ekspedisi pembangunan komuniti di seluruh Asia Tenggara untuk kerajaan Brunei pada tahun 2013-2015 dengan profesional muda ASEAN di bawah program ASEAN Young Professionals Volunteer Corps.

Beliau secara aktif menyokong golongan muda dan usahawan yang bercita-cita dengan aspirasi dan perniagaan masing-masing, melalui bimbingan, dan kemudahan rangkaian. Beliau juga mengasaskan Forum Belia Chevening Brunei (BCYF) untuk menyediakan platform dialog dan perbincangan untuk belia di Brunei yang telah mengumpulkan lebih daripada 1300 belia untuk menyertai 10 forum dan bengkel semenjak 2015. Beliau juga menggunakan model BCYF untuk menganjurkan Forum Belia Chevening ASEAN di Kuala Lumpur awal tahun ini dengan berkolaborasi bersama Chevening Alumni Malaysia dan akan menganjurkan Forum tersebut buat kali kedua di Jakarta pada Januari 2019.

Fatin dianugerahkan dengan Biasiswa Chevening oleh Kerajaan British pada tahun 2013 yang mendorongnya untuk mempelajari MSc in Emerging Economies and International Development di King's College London untuk memahami pembangunan ekonomi global. Fatin adalah seorang Global Shaper untuk hab Bandar Seri Begawan dan merupakan penerima Anugerah Belia Berkhidmat pada tahun 2015 dan Anugerah Belia ASEAN pada tahun 2016 dan Anugerah Belia Cemerlang pada 2017. Beliau baru-baru ini mengambil bahagian dalam Nudge Global Challenge di Belanda dan bertujuan untuk menyokong kerajaan untuk menyelesaikan isu-isu pengangguran.

**SEMINAR
(MODERATOR)**

YANG MULIA AWANG HAJI MASWADI

BIN HAJI MOHSIN

***Timbalan Setiausaha Tetap
(Dasar dan Pengurusan),
Kementerian Kesihatan***



Pendidikan :

- BA (Hons) Accounting and Finance, Manchester Polytechnic, United Kingdom

Pengalaman Bertugas :

Awang Haji Maswadi Pernah bertugas di beberapa Kementerian dan Syarikat kepunyaan Kerajaan. Antara pencapaian yang telah beliau sama-sama kendalikan secara berkumpulan termasuklah melaksanakan projek *Electronic Invoice* semasa bertugas di Jabatan Perbendaharaan. Awang Haji Maswadi juga terlibat dalam penjenamaan *Royal Brunei Airlines* sehingga menerima anugerah antarabangsa.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA AWANG HAJI YUSOP
BIN HAJI MAHMUD**
*Pemangku Jurukira Agung,
Jabatan Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*



Pendidikan :

- BA Management Studies (Universiti Brunei Darussalam)

Pengalaman :

- Pegawai Perolehan di Kementerian Pertahanan.
- Timbalan Ketua Eksekutif di Royal Brunei Technical Services (Secondment).
- Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I di Kementerian Pertahanan.
- Penolong Pengarah Perolehan di Kementerian Pertahanan.
- Pengarah Kewangan dan Perolehan di Kementerian Pertahanan.
- Penolong Kanan Jurukira Agung di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
- Pemangku Timbalan Jurukira di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
- Pemangku Jurukira Agung di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Anugerah :

- Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (PSB).
- Pingat Indah Kerja Baik (PIKB).
- Pingat Kerja Lama (PKL).

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DAYANG HAJAH HASINAHWATI
BINTI HAJI HANAFI**
*Jurukimia Pertanian Kanan /
Ketua Bahagian Kimia Makanan,
Jabatan Perkhidmatan Saintifik,
Kementerian Kesihatan*



Pendidikan :

- M.Sc in Analytical Chemistry and Pharmaceutical Science (University of Loughborough, United Kingdom, 2004)
- B.Sc (Hons) in Applied Chemistry (Liverpool John Moores University, United Kingdom, 1992-1994)

Pengalaman :

- Ketua Bahagian Kimia Makanan, Jabatan Perkhidmatan Saintifik (Jun 2017 hingga sekarang)
- Timbalan Ketua Bahagian Keselamatan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (2012-Mac 2017)
- Pengurus Kualiti, Bahagian Keselamatan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, bagi akreditasi makmal ISO/IEC 17025, (2012-Mac 2017)
- Ketua Unit Makmal Analisis Agrokimia, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (1995-2012)
- Setiausaha Jawatankuasa Kimia dan Ubat-Ubatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (2002-Mac 2017)
- Selaku 'Focal Person' bagi Projek ASEAN/WTO (Projek Kerjasama Brunei Darussalam / Malaysia) di bawah Standards and Trade Development Facility (STDF) dan IR-4 Inter-Regional Research bagi Establishment of ASEAN Maximum Residue Limit (2015-2016)
- Selaku 'Approved signatory' bagi akreditasi makmal ISO/IEC 17025, dalam ujian makmal di Makmal Racun Kimia, Bahagian Keselamatan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (2014-Februari 2017)
- Selaku 'Approved signatory' bagi akreditasi makmal ISO/IEC 17025, dalam ujian makmal di Bahagian Kimia Makanan, Jabatan Perkhidmatan Saintifik (Jun 2018-Mac 2020)
- Selaku 'External Review Committee (ERC) member' bagi kursus Diploma in Science Technology (Chemical Laboratory Technology), di Politeknik Brunei (2018-2021)
- Selaku Pengurus Latihan (Training Manager) di Jabatan Perkhidmatan Saintifik (bermula 1 Oktober 2018)
- Selaku HRD Ambassador bagi Jabatan Perkhidmatan Saintifik ke Institut Perkhidmatan Awam (bermula 28 Mac 2018)

Pencapaian :

- Memperolehi Anugerah Gangsa selaku Ahli dalam "Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam" bagi Projek "Meningkatkan Penghasilan, Produktiviti dan Kualiti Industri Sayur dalam Negeri" (1997) Dominion University, USA.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

YANG MULIA DR DAYANG DIANA DENNIS
*Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*



Pendidikan :

Tahap Pendidikan :

- 2014 : MSc Vet Medicine in Infectious and Disease Control (University of Liverpool, UK)
- 2001 : Doktor Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia
- 1996 : Brunei National Diploma in Agriculture

Pengalaman :

- 2002 – 2008 : Pegawai Haiwan di bawah Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar (BIT & PV)
- 2009 – 2014 : Ketua Unit Kesihatan Haiwan dan Kawalan Penyakit di bawah BIT & PV
- 2015 : Ketua Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar

Lantikan :

- a) OIE (*World Animal Health Organisation*) Delegate bagi Brunei Darussalam
- b) *Focal Point* bagi Jawatankuasa bagi Penyakit-Penyakit Haiwan dengan National Disaster Management Centre (NDMC) dan agensi-agensi kerajaan.
- c) ASEAN Head Delegate bagi Brunei Darussalam di bawah ASEAN Working Group for Livestock

Pencapaian :

- Menolong mengusahakan Pelan Strategik bagi komoditi ternakan Ayam Pedaging (projek fokus Jabatan).
- Menolong melaksanakan program pengeksportan komoditi ternakan (ayam pedaging dan telur ayam) ke negara Singapura melalui Agri-Food and Veterinary Authority (AVA); dan juga Jepun melalui *Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries* dan *Ministry of Health, Labour and Welfare (Japan-Brunei Poultry Agreement)*.
- Mempersiapkan program kesediaan atau program-program kawalan penyakit bagi penularan penyakit-penyakit haiwan yang berjangkit dan berkepentingan dalam perdagangan komoditi ternakan seperti Selsema Burung dan *Foot and Mouth Disease* (bagi ternakan ruminan seperti kerbau dan sapi).
- Menolong dalam persiapan pelan-pelan ‘contingencies’ bagi industri ternakan dalam menangani penularan wabak penyakit haiwan yang berjangkit. Pelan tersebut adalah diperlukan untuk menjamin pengeluaran dari tahap ladang.

Penyelidikan dan Penulisan :

- Aktif dalam penyediaan keperluan garispandu-garispandu, piawaian, protokol dalam bidang kesihatan haiwan dan penyakit ternakan (ayam, itik, puyuh, kerbau, sapi, kambing, rusa dan haiwan yang lain).

**SEMINAR
(MODERATOR DAN PEMBENTANG)**

**YANG MULIA PROFESOR MADYA
DR. DAYANG HAJAH ROSE BINTI ABDULLAH**
*Pengarah,
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)*



Akademik :

- PhD in Islamic Civilization, UKM, 2014
- Master in Islamic Banking and Finance, UBD, 2009
- Post Graduate Diploma in Islamic Banking and Insurance, London, UK, 2005
- Master in Business Administration (Heriot-Watt University, UK), 1999
- BA. Economics (Hons), UKM, Malaysia, 1987

Pengalaman Kerja :

- Pensyarah Kanan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 4 Januari 2011 hingga sekarang.
- Pensyarah Kanan, Institut Teknologi Brunei, 1 Jun 1998 hingga 3 Jan 2011.
- Pensyarah, Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Pusat Sumber, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSU), 1990 – 1998.
- Penolong Pensyarah, Pusat Sumber, KPSU, Brunei Darussalam, 1989-1990.
- Pembantu Pertanian Kanan, Jabatan Pertanian, KPSU, Brunei Darussalam, 1987-1989.
- Merebiu artikel-artikel bagi jurnal-jurnal berindeks antarabangsa termasuk SCOPUS.
- Menyelia tesis pelajar-pelajar di peringkat sarjana dan PhD.
- Membentang lebih 40 kertas-kertas di dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

Penyelidikan dan Penerbitan :

- Peyelidikan dalam bidang Ekonomi Kewangan Islam; zakat, wakaf, kemiskinan, kewangan mikro, MSMEs, industri halal, Kewangan Islam.
- Menerbitkan 8 buah buku dan 12 bab dalam buku.

Anugerah dan Pingat :

- Anugerah Buku UNISSA 2018
- Anugerah Kecemerlangan Staf UNISSA – Bahagian Penyelidikan (Kategori Senior) 2018.

- Anugerah Kertas Terbaik - Ketiga
Strategic Management Analysis of Microfinance Services on Performance Company (Empirical Studies on Swamitra, Indonesia)
Arip Perbawa dan Rose Abdullah
iECONS 2015 The 6th Islamic Economic System Conference, Faculty of Economics & Muamalat, Universiti Sains Islam, 29-30 September 2015, Krabi, Thailand.
- Outstanding Paper - 2015 Emerald Literati Network Awards for Excellent Rose Abdullah and Abdul Ghafar Ismail, 2014, Al-Tawhid in Relation to the Economic Order of Microfinance Institutions, Humanomics. Emerald Group Publisher. 2015.
- Anugerah Kertas Terbaik – Pertama
Nurhasanah Morsid dan Rose Abdullah, 2013, The Effectiveness of Islamic Microfinance in Brunei Darussalam, The 5th Islamic Economic System Conference (iECONS 2013), Universiti Sains Islam Malaysia.
- Pingat Kerja Lama (PKL) – 2014.
- Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) – 2012.
- Anugerah Pegawai Terbaik, Latihan dan Pengurusan, Pusat Sumber, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, 1997.

Jawatankuasa Peringkat Antarabangsa dan Kebangsaan :

- World Zakat Forum (WZF) Country Representative of Brunei Darussalam, 2017 – 2020.
- Ahli Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam, 2016 - 2020.
- Timbalan Penggerusi, Jawatankuasa Tadbir Pemegang Amanah Dana Maslahat Umum dan Zakat Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, 2018-2020.
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Pemegang Amanah Dana Maslahat Umum dan Zakat Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, 2016-2018.
- Ahli Kumpulan Kerja ‘CIBFM Finance Progression Pathway (IFPP) and LIFE’, Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam, AMBD, Kementerian Kewangan, Brunei Darussalam, 2015 hingga sekarang.

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA DAYANG HAJAH ZAINAB
BINTI HAJI MORSHIDI**
*Pemangku Pengarah Pembangunan
Belia dan Sukan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*



Pendidikan :

- Sarjana Muda Sastera Kepujian (Pengajian Pengurusan) University Diploma on Social Sciences.

Pengalaman :

- 1991 -1997
Pegawai Tugas-Tugas Khas
Unit Industri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
- 1997 – 2000
Pegawai Tugas-Tugas Khas
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
- 2000 – 2002
Pegawai Tugas-tugas Khas
Sekretariat Majlis Ekonomi Brunei Darussalam
- 2002 - 2004
Pegawai Tugas-Tugas Khas
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
- 2002 - 2010
Penolong Pengarah Dasar dan Penyelarasian
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
- 2010 – sekarang
Penolong Pengarah Dasar dan Penyelarasian
Bahagian Kemajuan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Anugerah :

- Pingat Indah Kerja Baik (PIKB), 2016

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

YANG MULIA DR. DAYANG VANESSA TEO

**Founder & Ketua Pegawai Eksekutif,
Agrome IQ International Sdn Bhd**



Akademik :

- University of Brunei Darussalam
PhD in Environmental Studies (Agriculture Modeling)
- Imperial College London
MSc Environmental Technology
- Imperial College London
BSc Biology with Microbiology

Anugerah :

- Brunei Rice Bowl Awards 2017, Brunei Darussalam
Founder of the Year
- ASEAN – U.S Women Science Prize 2018
Nominee for Brunei in Precision Agriculture
- Pitch @ Palace Commonwealth Competition, United Kingdom
Top 5 Finalist

**SEMINAR
(PEMBENTANG)**

**YANG MULIA AWANG HAJI IRWANDY
BIN HAJI LOIS**
Pengurus,
Syarikat Ameenfarm Agrotech and Trading



Awang Haji Irwandy adalah pemilik Syarikat Ameenfarm Agrotech. Pada tahun 2013 beliau mula membuat penyelidikan sistem fertigasi dan baja fertigasi dalam pertanian moden. Setelah empat tahun membuat penyelidikan sekarang beliau telah menghasilkan formula perkiraan baja fertigasi untuk buah rockmelon, timun, lada, tomato dan terung. Beliau juga aktif mengadakan Kursus sistem fertigasi kepada orang ramai. Beliau jua aktif membuat jerayawara mengenai pertanian moden terutama di Sekolah, Institusi Pengajian Tinggi dan Jabatan Kerajaan sehingga dia menubuhkan Akademi Agroprenur Ameenfarm pada tahun 2018. Beliau juga pernah menghadiri kursus di Japan iaitu "*Management of Farmer's Market Through Agricultural Cooperatives in Japan*" pada tahun 2016.

Awang Haji Irwandy mempunyai kelulusan dari Universiti Brunei Darussalam dalam jurusan '*Bachelor of Arts (Ekonomik)*' dan minor dalam Akaun dan Kewangan pada tahun 2000 dan Sijil Lepasan Ijalah Pendidikan (Ekonomi) tahun 2004. Beliau juga pernah membuat artikel ekonomik yang bertajuk '*Determinants of Foreign Direct Investment inflows into Brunei and Selected Countries of Southeast Asia in 2001*' dan telah diterbitkan dalam buku '*The Reading of Economy of Brunei Darussalam Volume 2* by UBD'.

Awang Haji Irwandy mempunyai pengalaman kerja luas termasuk di dalam sektor Kerajaan dan swasta. Beliau pernah berkhidmat di Standard Chartered Bank (1995), Pegawai Pelajaran di Kementerian Pendidikan (2000), Ketua Jabatan Korporate dan Komunikasi, Jabatan Tabung Amanah Pekerja (2004) dan Ketua Pusat Penemuan Minyak dan Gas, Syarikat Minyak Shell Brunei (2009).


Di arena dalam negeri dan antarabangsa, dia pernah dilantik dan memegang jawatan seperti berikut :

- Hakim Pertandingan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota (2017).
- Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kerja di Persidangan ASPAC 2016 di China (2016). Beliau adalah satu-satunya ahli jawatankuasa yang dilantik yang bukan berasal dari negeri China.
- Hakim 'ASPAC Science Show Awards and Exhibition Award' (2014 & 2015).
- Pengarah Persidangan ASPAC 2014, Brunei (2014).
- Ahli Jawatankuasa Eksekutif Asia Pacific Network of Science & Technology Centre (ASPAC) (2013).

Beliau pernah membentang kertas kerja di peringkat anatarabangsa seperti berikut :

- a) dalam Bengkel 'the Science Communication Leadership' di National Science Museum, Thailand, anjuran Korean Academy of Science and Technology (KAST) bagi tajuk "*Science Communication in Brunei from OGDC Perspective*" (2013).

- b) di Persidangan ASPAC Guangzhou, China bagi tajuk "*Building a Prominent Science Centre: For Future Sustainability*" (2011).



Abstrak

The background features a repeating pattern of stylized, six-pointed stars or snowflakes. These larger stars have internal geometric shapes and leaf-like patterns. Interspersed among them are smaller, four-pointed star-like shapes. The entire design is set against a background that transitions through a wide range of colors, from deep blues and greens at the top left to bright yellows, oranges, and reds at the bottom right, with a soft pink hue appearing on the far right side. The word "Abstrak" is centered in a black, cursive script font.

**WANITA SEBAGAI PENDOKONG ASPIRASI NEGARA
DALAM BIDANG PERTANIAN**

Yang Mulia Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman
Naib Canselor,
Universiti Teknologi Brunei
emel:zohrah.sulaiman@utb.edu.bn

Keterlibatan wanita dalam bidang pertanian seperti mengembala haiwan ternakan dan bercucuk tanam bermula dari zaman Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam lagi. Bahkan, sebahagian para isteri baginda memilih pertanian sebagai peruntukan keperluan yang diberikan oleh Baitulmal kepada mereka. Jaminan pembekalan makanan atau food security adalah tanggungjawab bersama dan kaum wanita turut menghasilkan lebih daripada 50% makanan global, di mana 43% adalah dari sektor pertanian. Wanita di negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Myanmar dan Filipina juga berperanan sama dalam bidang pertanian terutama sekali dalam penghasilan beras sebagai sumber makanan asas. Manakala di Negara Brunei Darussalam pula, jumlah pengusaha-pengusaha wanita di sektor pertanian adalah 217 dan 54% tertumpu kepada bidang sayur-sayuran dan buah-buahan. Daerah Tutong (114) mempunyai ramai pengusaha-pengusaha wanita berbanding daripada Daerah Brunei-Muara (88), Daerah Temburong (8) dan Daerah Belait (7). Dari jumlah tersebut, 21 pengusaha-pengusaha wanita berkecimpung dalam komoditi padi. Peranan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebagai pembolehdaya kepada kelangsungan sektor pertanian negara akan diterangkan. Pembentangan ini juga akan memperlihatkan aktiviti-aktiviti pengusaha-pengusaha wanita di sektor pertanian. Matlamat yang ingin dicapai adalah untuk mengubah persepsi pendengar yang terdiri dari kaum-kaum ibu, isteri dan anak mengenai bidang pertanian sebagai kerjaya atau sumber pencarian ke arah yang lebih positif, agar sama-sama mendokong hasrat negara untuk menjadikan sektor pertanian sebagai survivabiliti bangsa dan negara.

PENINGKATAN PRODUKTIVITI MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI MODEN

Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah
Pengarah Pertanian dan Agrimakanan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Peningkatan produktiviti dan penggunaan teknologi moden adalah antara strategi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam meningkatkan pertumbuhan keluaran pertanian dan agrimakanan yang mana juga akan memberi sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan statistik pengeluaran kasar pertanian termasuklah sektor tanaman, ternakan dan agrimakanan. Produktiviti bermaksud keupayaan untuk menghasilkan *output* daripada satu set *input* yang diberikan, sebagai satu kaedah mengukur kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan sumber (seperti pekerja, teknologi, sistem serta pengurusan dan lain-lain) secara optimum dengan menukar *input ini* kepada *output* berguna. Produktiviti adalah nisbah *output* yang dihasilkan daripada input yang digunakan. Sementara itu, secara ringkas teknologi moden adalah kaedah teknologi lama yang telah diganti atau diubahsuai atau dikemaskini mengikut kemajuan sesuatu sektor atau industri. Di dalam industri pertanian, transisi teknologi industri adalah sangat ketara daripada penggunaan kaedah traditional kepada teknologi moden. Penggunaan mekanisasi dan automasi ladang ini telah banyak membantu para peladang dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran pertanian dan pada masa yang sama, mengurangkan penggunaan tenaga manusia, menjimatkan masa dan meningkatkan daya saing produk pertanian. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah merangka petunjuk prestasi utama atau *Key Performance Indicator (KPI)* produktiviti bagi setiap komoditi pertanian. KPI ini dapat dicapai dengan penggunaan alternatif teknologi moden di samping mengamalkan sistem pengurusan ladang secara konvensional. Jabatan sangat menggalakkan para pengusaha untuk memfokuskan kepada perusahaan pertanian berskala komersial dengan menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti keluaran tempatan. KPI ini telah menjadi sebagai tanda aras pencapaian sesuatu ladang dan digunakan sebagai satu kaedah bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam membuat keputusan sama ada sesuatu ladang atau tapak itu dianggap maju, kurang berjaya, perlu pemberian atau tapaknya perlu untuk ditarik balik. Sementara itu, keluaran kasar atau *gross output* sektor pertanian dan agrimakanan di Negara ini telah menunjukkan perkembangan yang positif dan menggalakkan. Daripada tren pencapaian dalam tempoh 20 tahun kebelakangan, nilai keluaran sektor pertanian dan agrimakanan berkembang pada kadar purata 7.71 peratus setahun, iaitu daripada \$93 juta pada tahun 1998 kepada \$380 juta pada tahun 2017. Produktiviti keluaran setiap komoditi juga telah menunjukkan peningkatan sebagai contoh, produktiviti industri padi pada tahun 1998 hanya mencapai 0.41mt/ha setahun telah meningkat kepada 4.49mt/ha setahun setelah menggunakan varieti berhasil tinggi yang dapat mengeluarkan hasil dua kali setahun.

Tujuan kertas ini adalah untuk menghuraikan contoh-contoh teknologi moden yang berupaya mendukung peningkatan produktiviti industri tanaman, padi, ternakan serta agrimakanan sejak dua dekad ini serta huraian mengenai pencapaian keluaran kasar industri pertanian dan agrimakanan serta penggunaan KPI dalam penentuan dan sukat-sukat kemajuan tapak-tapak pertanian.

**EVOLUSI TEKNOLOGI PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN:
PELUANG DAN MANFAAT BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Yang Mulia Dr Dayang Wida Susanty binti Haji Suhaili

Assistant Professor,

School of Computing and Informatics,

Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Wida.suhaili@utb.edu.bn

Perkembangan teknologi telah membawa beberapa fasa perubahan dalam pelbagai bidang termasuk agritani seperti industri tanaman, ternakan dan agrimakanan. Peningkatan produktiviti melalui teknologi moden telah memberi impak seawal proses pertanian/ pemilihan benih/pemilihan baka/pemilihan penghasilan hingga ke proses penghasilan yang boleh dimanfaatkan dan dinikmati oleh pengguna. Peranan sains dan teknologi adalah sangat penting dan hasil penelitian dan pengkajian perlu menitikberatkan kesesuaian penggunaan teknologi moden dengan memastikan kesesuaianya agar ia dapat meningkatkan keberhasilan sesuatu industri. Pengurusan teknologi secara berhemah juga dapat memastikan "return on investment" yang cepat bila teknologi digunakan/dimanfaatkan oleh semua pihak berkepentingan.

Objektif utama kertas simposium ini adalah untuk membincangkan :

- (i) Evolusi Teknologi moden dalam industri tanaman, ternakan dan agrimakanan termasuk penggunaan IoT dalam *Smart Farming, Smart Aquaculture, Smart Processing, Precision farming dan Genetic Technology*.
- (ii) Jenis teknologi yang sesuai untuk agritani di Negara Brunei Darussalam; dan
- (iii) Kepentingan penyelidikan dalam peningkatan produktiviti melalui teknologi moden.

Kertas ini juga akan mengongsikan teknologi terkini dalam agritani yang dipraktikkan di Malaysia, Thailand, Vietnam dan Indonesia sebagai rujukan. Kesimpulan kertas akan mengetengahkan beberapa pendapat yang boleh dipertimbangkan dalam menyokong penggunaan teknologi masa hadapan bagi dunia tanpa sempadan.

TEKNOLOGI MODEN PIKAT PELAJAR MEMASUKI PROGRAM PERTANIAN

**Yang Mulia Cikgu Dayang Zaitunah binti Haji Kurus
Pegawai Pendidikan Tingkat Khas / Ketua Sekolah,
Sekolah Agroteknologi dan Sains Gunaan,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)
zaitunah.kurus@ibte.edu.bn**

Sekolah Agro-teknologi dan Sains Gunaan atau sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Vokasional Wasan (SVW) ditubuhkan pada tahun 2005. Pada 02 Mei 1996, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Petuan Negara Brunei Darussalam bertitah bagi memperkenankan proses peralihan kursus-kursus Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei (BNDA) yang dikendalikan oleh Pusat Latihan Pertanian Sinaut, PLPS kepada Kementerian Pendidikan. Institut Pendidikan Teknikal Brunei, IBTE memainkan peranan utama dalam memastikan program-program pertanian, perikanan dan pemprosesan makanan terus diperkembangkan di negara ini khususnya bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat menyumbang kepada industri pertanian dan agrimakanan. Sejak 12 tahun sekolah ditubuhkan dan dua tahun kebelakangan ini statistik menunjukkan, pelajar lebih cenderung mengambil bidang pertanian berbanding bidang perikanan dan teknologi makanan apabila program sains pertanian (Agriculture Science) ditukar kepada program Agroteknologi pengkhususan Teknologi Tanaman (Crop Technology). Hampir keseluruhan isi kandungan modul menggunakan teknologi, automasi dan mekanisasi dalam pertanian. Objektif utama kertas seminar ini adalah untuk berkongsi bagaimana berlaku peningkatan jumlah pelajar apabila teknologi moden sebagai daya penarik atau strategi kepada pelajar untuk membaitkan diri dalam bidang pertanian dan menjadikan sebagai pilihan kerjaya.

Katakunci : Sains Pertanian, Agroteknologi

PENINGKATAN PRODUKTIVITI MELALUI SISTEM HIDROPONIK BERTINGKAT

**Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abd Rahman
bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail**
*Pengurus Umum,
RZ Prisma Enterprise*

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menentukan KPI bagi produktiviti hasil tanaman, ternakan dan agrimakanan yang perlu dicapai yang mendorong pengusaha untuk mengembangmajukan ladang masing-masing dengan menggunakan teknik dan teknologi moden.

Kertas kerja ini membentangkan sistem hidroponik NFT tanpa mekanisasi dan automasi yang dipasang di Ladang RZ Prisma bagi menanam daun selada (lettuce).

Hidroponik iaitu cara bercocok tanam tanpa menggunakan media tanah, lebih mengutamakan media air yang telah dicampur dengan baja tumbuhan. Manfaat tanaman hidroponik termasuk: Tidak memerlukan tanah yang subur; Hanya menggunakan air larut baja; Boleh ditanam di mana sahaja asalkan terdapat bekalan air bersih dan elektrik; Penjimatkan penggunaan air dan baja.

Sistem hidroponik NFT mempunyai komponen berikut: Takungan untuk menakung larutan nutrisi; Pam Air untuk mengepam air ke saluran tanaman; Tabung untuk mengalirkan air dari pam ke tabung yang digunakan untuk NFT; Pasu kecil bakas tanaman; dan sistem kembali (tabung) untuk mengalirkan nutrisi yang telah digunakan kembali ke takungan (reservoir).

Dua faktor menyumbang kepada produktiviti tanaman selada melalui sistem hidroponik iaitu: Sistem hidroponik bertingkat (vertical farming); dan teknik tanaman.

Susunan saluran vertical dan horizontal adalah terhad kepada had jangkauan tangan petani untuk menjangkau saluran di tingkat paling tinggi; dan saluran di tengah-tengah atau paling hujung bagi susunan horizontal. Kepadatan tanaman boleh ditingkatkan sebanyak 60% bagi sistem hidroponik 2 tingkat dan sebanyak 40% bagi sistem hidroponik 7 tingkat jenis A.

Teknik penanaman yang betul dan sistematik di 3 peringkat tanaman menyumbang kepada produktiviti hasil melalui berat tanaman dengan sasaran 125 gram bagi satu pohon selada. Spon digunakan bagi semaihan biji, mendukung pertumbuhan tanaman dan penyangga batang supaya tumbuh tegak. Pembajaan baja jenis A dan B khusus bagi sistem hidroponik dengan EC di antara 1,800 hingga 2,000 micro Siemens, kualiti air yang tidak masam dengan pH di antara 5.5 hingga 6.5, pencahayaan yang mencukupi memberikan pigmen ke atas daun selada yang berwarna merah dan suhu yang tidak melebihi 35 darjah Celsius menyumbang kepada tumbuhan yang segar. Tanaman dalam rumah terlindung akan dapat mengatasi serangan serangga dan penyakit dan ini setentunya tidak memerlukan penggunaan racun dan menjamin sayur yang selamat dimakan.

**AL-QUR`AN DAN PERANAN HAIWAN DAN TUMBUH-TUMBUHAN
DALAM MELESTARIKAN KEHIDUPAN**

Yang Mulia Dr. Mikdar Rusdi

Penolong Kanan Profesor,

Dean Fakulti Usuluddin,

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

(KUPU SB)

Haiwan dan tumbuh-tumbuhan adalah dua jenis ciptaan Allah yang banyak memberi sumbangan kepada kehidupan, ianya membekalkan makanan berupa daging, susu, telur, sayur-sayuran dan buah-buahan untuk proses kelangsungan makhluk hidup. Selain daripada itu Haiwan dan tumbuh-tumbuhan dicipta untuk menjaga kelestarian ekosistem alam sekitar. Ianya dicipta oleh Allah sebagai faktor penentu kehidupan makhluk hidup sebagai pembekal makanan dan minuman dan merupakan bahagian yang tak terpisahkan dari ekosistem bumi. Oleh kerana haiwan dan tumbuh-tumbuhan mempunyai nilai yang tinggi dalam kehidupan, maka Islam sangat mengambil berat kedua jenis makhluk ini sehingga tidak hairan kalau sebahagian nama surah-surah al-Quran dinamakan dengan nama haiwan atau tumbuh-tumbuhan seperti: surah al-Baqarah, al-Fil, at-Tin, al-An`am, al-Naml, al-Nahl dan al-Ankabut. Pemberian nama surah seperti ini pertanda Islam sangat mengambil berat isu-isu yang berkaitan Haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Dalam acara Majlis Ilmu nanti penulis akan cuba mengulas sejauh mana al-Quran peka dengan haiwan dan tumbuh-tumbuhan, peranannya dalam al-Quran, sifat-sifatnya serta fungsinya dalam melestarikan kehidupan umat manusia.

Keyword : al-Quran, haiwan, tumbuh-tumbuhan, alam sekitar

**PEMAKMURAN BUMI MENERUSI
AKTIVITI PERTANIAN MENURUT ISLAM¹**

Yang Mulia Profesor Dr Awang Mahayudin bin Haji Yahya
Profesor Sejarah dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

Dari segi sejarah, bidang pertanian merupakan aktiviti ekonomi dan kebudayaan masyarakat desa. Kini, sektor pertanian telah melalui proses transformasi ke arah pembangunan agribisnes yang dinamik dan berpandukan pasaran serta inovasi sains dan teknologi bagi meningkatkan pengeluaran, memperbaiki produktiviti dan kualiti hasil keluaran tempatan serta memperkuatkannya lagi daya saing bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi pasaran serantau dan antarabangsa. Lantaran itu, pengeluaran pertanian bukan sahaja mensasarkan pasaran tempatan, tetapi juga pasaran serantau dan antarabangsa. Pembangunan pertanian berteknologi tinggi sememangnya memerlukan dukungan institusi, khususnya bank Islam bagi meningkatkan tahap keupayaan pengeluaran sektor pertanian. Dalam hubungan ini, Jabatan Pertanian seharusnya terus berusaha memperbaiki prasarana pertanian bagi mendukung perkembangan sektor swasta. Bagaimanapun, kejayaan program pembangunan tersebut adalah bergantung pada kerjasama yang erat di antara sektor awam dan sektor swasta. Oleh itu, adalah mustahak bagi sektor swasta tampil ke hadapan untuk merebut peluang yang dibawa oleh arus pembangunan tersebut. Pada masa yang sama, kewujudan teknologi dan inovasi adalah penting untuk digunakan bagi mengangkat tahap pembangunan sektor agribisnes di negara ini. Di antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan antara lain ialah hubungan manusia dengan pemakmur bumi, pertanian dan hukum bertani dalam Islam, pandangan Ibn Khaldun mengenai konsep pertanian, permintaan, dan penawaran, konsep harga dalam sektor ekonomi dan kesimpulan.

¹Dibentangkan dalam Majlis Ilmu 27-29 November 2018 bagi Sesi "Prinsip-Prinsip Pertanian Dalam Islam"

KEUTAMAAN BIDANG PERTANIAN DALAM MENJANA EKONOMI UMAT ISLAM¹

**Yang Mulia Ustaz Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar,
Pengarah Pusat Ilmu Teras,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
(KUPU SB)**

Di dalam Islam, pertanian merupakan salah satu daripada pekerjaan yang mulia dan amat digalakkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Menceburkan diri dalam bidang pertanian dianggap sebagai usaha positif manusia dalam pemakmuran bumi Allah kerana melakukan sesuatu yang berfaedah dan memberi kesenangan kepada ramai pihak. Banyak ayat al-Quran dan hadith yang menyebut berkaitan bidang pertanian. Kepentingan dan kebaikan mengusahakan tanah untuk bercucuk tanam sememangnya tidak dapat dinafikan lagi, kerana ia menyumbang kepada hasil makanan negara serta menyumbang kepada pendapatan seharian petani. Sejarah sektor pertanian bermula seawal kejadian manusia lagi di mana salah seorang anak kepada Nabi Adam 'alaihissalam telah mempelopori bidang ini pada masa itu, iaitu Qabil – sektor pertanian dan Habil – mempelopori bidang penternakan. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah membangun sistem ekonomi umat Islam setelah berhijrah ke Madinah yang berdasarkan perinsip Syirkah (kerjasama) atas dasar tolong menolong termasuklah dalam bidang pertanian, Musaqah, Muzara'ah dan Mukhabarah adalah akad-akad syariah yang terkait dengan pertanian. Pertanian adalah salah satu jenis harta yang diwajibkan zakat dalam Islam dan ia bertindak sebagai mekanisme agihan kekayaan yang dipungut daripada lebihan kekayaan dalam sistem ekonomi Islam. Bidang pertanian adalah salah satu jalan untuk mendekatkan diri seseorang hamba itu dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Bagi mereka yang menceburkan diri dalam bidang ini, di samping mendapat pendapatan yang halal lagi mulia, Allah Subhanahu Wata'ala juga menjanjikan ganjaran pahala kepada golongan yang mengusahakannya di atas setiap satu tanaman yang ditanam. Kebanyakan ulama Islam berpendapat bahawa pertanian adalah lebih afdal atau utama pada pandangan Islam berbanding lain-lain jenis perniagaan kerana manfaat pertanian lebih meluas dan menjangkau kehidupan rakyat justru kepentingannya tidak dapat dinafikan sebagai bidang yang membekalkan makanan kepada umat. Oleh kerana itu keterlibatan dalam sektor pertanian bererti melaksanakan fardu kifayah yang mana ia bukan sahaja memenuhi keperluan agama, malah memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan ekonomi negara dan kesejahteraan manusia sejagat.

Kata kunci : Pertanian, Ekonomi

¹Dibentangkan dalam Seminar Majlis Ilmu 2018 pada 27 November 2018.

**PARADIGMA ISLAM
DALAM PERTANIAN TUNJANG BALDATUN TAYYIBAH**

Yang Mulia Dr Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani
Penolong Kanan Profesor / Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
nasir.rani@unissa.edu.bn / abdnasir332@gmail.com

Kertas kerja ini akan berusaha memberikan gambaran menyeluruh tentang perihal pentingnya amalan pertanian yang didasari oleh paradigma Islam. Antara topik yang akan disentuh menerusi pembentangan kertas kerja ini ialah: tuntutan bekerja memakmurkan bumi Allah; hukum pertanian yang didasari kepada dalil-dalil Naqli dan Aqwal al-Shababah; pertanian dari sudut akidah dan ibadah; dan juga akan dibawakan beberapa fakta sejarah – yang diperolehi daripada kajian lampau – tentang keperihatinan masyarakat terdahulu dalam bidang pertanian. Menerusi perbincangan topik tersebut, kertas kerja ini dijangka akan dapat menghuraikan secara tuntas tentang amalan pertanian dari sudut pandangan Islam yang tidak hanya melihatnya sebagai suatu amalan rutin harian untuk menyara hidup atau membangun ekonomi semata, bahkan juga sebagai suatu tuntutan samawi yang wajib digalas oleh bahu Khalifatullah dan wajib dilaksanakan demi memenuhi tanggungjawabnya sebagai wakil Allah mengurus dunia. Selain itu, kertas kerja ini juga dijangka akan dapat memberikan kesedaran tentang pentingnya amalan pertanian itu ditunjangi oleh paradigma Islam demi mencapai kesejahteraan dan meraih keberkatan hidup yang berpanjangan dalam melahirkan sebuah ‘baldatun tayyibah’, iaitu negara yang aman, damai, dan makmur.

Kata kunci : Paradigma Islam, pertanian, memakmurkan bumi, khalifatullah

**SEKTOR PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN
DAN SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Yang Mulia Dr Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin
Setiausaha Tetap (Ekonomi),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan adalah salah satu sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam sepetimana yang dicatatkan melalui data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Bagi tempoh 2010 hingga 2017, sub-sektor di bawah Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan yang banyak menyumbang kepada KDNK negara adalah terdiri daripada sub-sektor Ternakan dan sub-sektor Perikanan. Dari segi aktiviti, di bawah sub-sektor Ternakan, pengeluaran ayam pedaging dan telur merupakan aktiviti yang mempunyai sumbangan terbesar dan mempunyai potensi untuk dimajukan dengan lanjut dengan mengambilkira juga bahawa Negara sudah hampir mencapai tahap sara diri di dalam pengeluaran ayam pedaging dan telur ayam. Peningkatan di dalam kapasiti pengeluaran negara seterusnya akan dapat membantu meluaskan lagi peluang untuk meneroka pasaran eksport bagi ayam pedaging dan telur. Pengeluaran produk akuakultur, di bawah sub-sektor Perikanan juga menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun dan mempunyai potensi untuk dimajukan. Setakat ini, eksport negara bagi sub-sektor ini sudah pun berjaya menembusi beberapa pasaran luar seperti ke Republik Rakyat Cina, Jepun, Australia, Taiwan, Vietnam, dan juga Hong Kong.

Secara keseluruhannya, bagi meningkatkan sumbangan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan ke pertumbuhan ekonomi Negara di dalam jangka masa pendek dan sederhana, penumpuan kepada dua sub-sektor khususnya, iaitu sub-sektor Ternakan dan sub-sektor Perikanan perlu ditingkatkan lagi. Ini adalah kerana melihat kepada tren KDNK sektor ini dari tahun 2010 sehingga 2017, kedua sub-sektor ini adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor berkenaan. Selain daripada itu, Negara juga perlu untuk mula meneroka pasaran ekport antara lainnya dengan melihat kepada permintaan pasaran dunia terhadap ayam pedaging termasuk telur dan ikan. Dalam masa yang sama, usaha-usaha sebegini akan dapat juga membantu meningkatkan lagi pertumbuhan sektor halal negara.

**MENILAI TAMBAH HASIL SEKTOR PERTANIAN KE ARAH PEMPELBAGAIAN
SEKTOR INDUSTRI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI MENINGKATKAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
MELALUI SEKTOR PERTANIAN**

**Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab
Timbalan Setiausaha Tetap,
(Pengurusan, Koperasi dan Perindustrian),
*Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian***

Menurut Bank Dunia, pada 2017 sektor pertanian menyumbang sebanyak 4% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global, dengan sektor perkhidmatan sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK sebanyak 68% diikuti oleh sektor perindustrian sebanyak 25% dan sektor pembuatan sebanyak 16 peratus. Sumbangan sektor pertanian pula di kalangan negara-negara yang berpendapatan tinggi hanyalah sebanyak 1 peratus manakala bagi negara-negara berpendapatan rendah, sumbangan sektor pertanian mencecah hingga 21% kepada KDNK.

Bagi Negara Brunei Darussalam pula, sektor pertanian dan perikanan hanya menyumbang sekitar 1.1 peratus kepada keluaran dalam negeri kasar pada tahun 2016. Ini termasuklah juga sumbangan sektor agrimakanan. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bertekad untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian dan perikanan kepada 5 peratus KDNK menjelang tahun 2020 nanti.

Sektor pertanian mempunyai potensi untuk menyumbang lebih banyak lagi kepada KDNK melalui proses nilai tambah (value add). Ini bukan saja merangkumi "spin offs" yang dapat diperolehi dari hasil-hasil pertanian dan perikanan melalui pemprosesan, pembungkusan, pengangkutan, logistik dan pemasaran tetapi juga daripada industri-industri dukungan kepada pertanian seperti pembinaan, pembekalan benih, baja dan kimia, perkhidmatan konsultan dan sebagainya. Penekanan kepada penyelidikan dan inovasi juga akan membolehkan lebih nilai tambah dalam sektor pertanian bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti produk-produk pertanian. Penekanan kepada sektor industri halal sebagai satu sektor yang dipromosikan bagi menarik pelaburan langsung asing ke Negara Brunei Darussalam juga akan sedikit sebanyak mendukung menilai-tambah hasil-hasil pertanian dan perikanan.

**PERKEMBANGAN SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN
DALAM KDNK BRUNEI DARUSSALAM**

**Yang Mulia Profesor Madya Dr Dayang Hajah Rose binti Abdullah
Pengarah,
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)**

Sektor pertanian di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan perkembangan walaupun agak perlahan dari segi kadar sumbangan keseluruhan ekonomi yang didominasikan oleh sektor minyak dan gas. Sektor pertanian ini semakin mendapat perhatian daripada berbagai pihak. Salah satu faktor utama penyumbang kepada perkembangan sektor pertanian ialah inisiatif yang diadakan oleh agensi Kerajaan yang berkenaan. Kertas berbentuk *explanatory* ini akan mengetengahkan perancangan strategik yang berkaitan dengan usaha meningkatkan sumbangan sektor pertanian dan agromakanan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Data-data kedua dalam jangkamasa 10 tahun kebelakangan akan digunakan untuk melihat perkembangan sumbangan sektor pertanian ini. Sumbangan utama adalah dilihat dari segi pengeluaran hasil dan penglibatan tenaga kerja. Bertolak daripada analisis makro, kertas ini akan melihat kepada aspek mikro iaitu peluang-peluang yang masih terbuka luas dalam sektor pertanian dan agromakanan.

PASARAN EKSPORT DAN PERTUMBUHAN SEKTOR PERTANIAN DAN PERIKANAN

**Yang Mulia Dayang Mariani binti Haji Sabtu
Pemangku Pengarah Perikanan,
Jabatan Perikanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Sektor pertanian dan perikanan adalah dua sektor yang penting kepada sosio-ekonomi Negara Brunei Darussalam. Walaupun kadar sumbangan semasa kepada KDNK (GDP) secara terus (direct) masih di tahap yang rendah, tetapi kedua sektor berkenaan telah menyumbang sebanyak B\$ 490 juta pendapatan secara kolektif pada tahun 2017 dan mendukung sekitar 8,600 pekerjaan. Di masa yang sama keluaran primer sektor pertanian dan perikanan adalah penyokong dan penyumbang utama industri pemprosesan makanan di negara ini. Untuk meningkatkan pertumbuhan kedua sektor berkenaan, maka Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah melakar Pelan Strategik 2016-2020 yang mensasarkan pencapaian nilai pertumbuhan sektor pertanian dan perikanan, dari B\$ 478 juta pada tahun 2015 kepada B\$ 1,761 juta pada tahun 2020.

Pelan Strategik tersebut mengenalpasti eksport sebagai salah satu pemangkin pertumbuhan berlipat ganda yang disasarkan berkenaan. Kertas ini akan mengongsikan asas-asas penting mengapa Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menempatkan eksek pasaran eksport sebagai salah satu mekanisma yang penting dalam memangkin tumbesaran industri pertanian dan perikanan. Ianya juga akan membincangkan peranan pasaran eksport dalam menggandakan sumbangan sektor pertanian dan perikanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) secara keseluruhan, iaitu melalui rangkaian nilai (value-chain) sektor pertanian dan perikanan. Pertumbuhan sektor pertanian dan perikanan yang dipangkin oleh perkembangan pasaran eksport bukan saja akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, tetapi juga akan menyumbang kepada penjanaan pekerjaan yang bersesuaian dengan keperluan anak tempatan, serta, juga akan menyumbang kepada sekuriti makanan negara.

Kertas ini juga akan mengongsikan beberapa pencapaian-pencapaian khusus sektor pertanian dan perikanan dalam bidang pengeksportan serta cabaran-cabaran yang perlu ditangani untuk sentiasa berkembang, sesuai, dan bagi manyahut Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016.

PENGLIBATAN WANITA DALAM DUNIA KEUSAHAWANAN

Yang Mulia Dayang Norizmah binti Haji Awang Ahmad Morshidi

Pengurus Am,

Ideal Food Industries Sdn Bhd

izedh@yahoo.com

Wanita adalah golongan istimewa dan memainkan peranan yang besar dalam masyarakat. Wanita ada kebolehan sendiri untuk melaksanakan dwi-kerja seperti memikul tanggungjawab sebagai Isteri, Ibu dan juga pekerja. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengkaji faktor penglibatan wanita di dalam sektor pertanian dan mengkaji masalah yang dihadapi oleh golongan wanita apabila menceburi diri dalam pertanian. Hasil kajian mendapatkan bahawa terdapat beberapa faktor penyebab wanita terlibat dalam pertanian, antara penyebab utama ialah membantu meningkatkan ekonomi keluarga, sumber pendapatan sampingan dan bertujuan untuk mengisi masa lapang.

Wanita adalah makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang istimewa dan mempunyai sifat yang unik berbanding dengan lelaki. Namun wanita mempunyai peranan yang amat besar di dalam ahli keluarga, masyarakat dan Negara. Tanpa wanita kehidupan sehari-hari tidak dapat dilaksanakan seperti sedia kala.

Pertanian adalah merupakan tunggak asas kepada kehidupan manusia baik dari segi sumber makanan, kewangan dan ekonomi. Sepertimana saya ungkapkan sebagai slogan 'Pertanian adalah Perniagaan' dan 'Manusia adalah sumber kewangan' (Without people there is no money, without money there is no worker).

Dengan menceburi bidang pertanian, secara tidak langsung kita akan dapat membantu Negara memenuhi keperluan bahan makanan sekaligus mengelakkan krisis makanan daripada berlakunya kehabisan makanan untuk diusahakan untuk ekonomi kita sendiri.

**MERINTIS USAHA PENTERNAKAN ITIK
ERLIN JAYA ENTERPRISE**

**Yang Mulia Dayang Erni Nasriah binti Abdurrazak
Pengurus,
Erlin Jaya Enterprise
erlin963@gmail.com**

Penternakkan itik Erlin Jaya Enterprise bermula pada Jun 2015. Sebanyak 200 ekor *day old duck (dod)* yang mana secara keseluruhannya menggunakan sistem tradisional seperti menggunakan generator dan kandang yang dibuat daripada buluh (Bamboo), proses ini dinamakan learning farm.

Dari hasil pembelajaran hanya 50% (*dod*) yang berjaya dikembangbiakkan dengan menggunakan *inkubator* manual, yang dibuat sendiri menggunakan almari bekas.

Pada tahun 2016, jumlah itik sebanyak 800 ekor, sebab sebahagiannya dikomersialkan untuk pembelian makanan. Dari hasil pembelajaran inilah tercetus idea untuk menjadikan usaha ternakan itik ini menjadi satu usaha yang dinilai dapat membantu ekonomi keluarga.

Pada tahun 2017, jumlah itik mencapai 2000 ekor, diikuti dengan kemudahan yang ada seperti kandang yang lebih selesa, *inkubator* auto, karan, air, jalan laluan dan sebagainya. Adapun kemudahan ini diperolehi adalah hasil dari produktiviti ternakan .

Pada tahun 2018, jumlah itik mencapai 5000 ekor, dengan penghasilan 1300-1500 biji telur sehari, yang mana jumlah keseluruhan adalah termasuk kepada *dod* dan itik jantan serta itik hidup untuk dikomersialkan.

Cadangan 2019 :

- Memproses makanan itik sendiri.
- Meningkatkan pengeluaran telur masin di Negara Brunei Darussalam khususnya dan di negara luar amnya.
- Membuat makanan siap saji dalam wadah tin yang berasaskan daging itik.
- Memberi tunjuk ajar kepada para belia yang berhasrat untuk menjadi peladang itik.

**PENGLIBATAN WANITA DALAM INDUSTRI
PERTANIAN DAN PENTERNAKAN DALAM LITERATUR ISLAM KLASIK¹**

Yang Mulia Dr Dayang Lilly Suzana binti Haji Shamsu @ Samsu

Penolong Profesor / Dekan Fakulti Usuluddin,

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Penglibatan wanita dalam khidmat sosial seperti pertanian dan penternakan bukanlah suatu yang asing. Bahkan sudah dirakam dalam al-Qur'an dan sunnah junjungan bahawa kaum wanita memainkan peranan dalam menyumbang khidmat sosial membantu keluarga dan mengembangmajukan ekonomi negara. Meskipun demikian biografi mereka khususnya srikandi muslim pada zaman baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam kurang dikenangkan, bahkan nama mereka juga tidak begitu dikenali. Justeru, kertas ini berusaha untuk menyingkap riwayat hidup mereka melalui rujukan klasik dalam khazanah literatur Islam. Yang demikian itu, kertas ini akan menggunakan metode penelitian kepustakaan dengan meninjau dan menelusuri riwayat wanita-wanita srikandi ini dalam rujukan-rujukan klasik karya ulama tafsir, sunnah, sejarah, dan himpunan biografi para sahabat. Pengenalan kepada identiti mereka akan memberikan maklumat berguna bukan semata memberikan pengenalan tetapi lebih dari itu dalam mengetahui tahap intelektual dan kemahiran sosial yang mereka miliki. Penelitian akan menghasilkan penemuan yang akan menonjolkan ketinggian kedudukan wanita dalam Islam dan sekali gus membuktikan agama suci ini sangat menitikberatkan keadilan dalam semua aspek. Pembuktian menerusi literatur klasik ini juga menunjukkan bahawa Islam tidak pernah menjadikan kaum wanita sebagai golongan kelas kedua malah menjadi nadi yang turut menyumbang kepada kemajuan agama, bangsa dan negara.

Kata Kunci: Wanita, Pertanian, Penterakan, Literatur Islam Klasik, Biografi.

¹Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Majlis Ilmu 2018

PERANAN WANITA DALAM PERKEMBANGAN EKONOMI MELALUI SEKTOR PEMAKANAN

**Yang Mulia Dayang Nurliyana Fatin binti Arifin
Presiden Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB)**

Brunei tidak kekurangan usahawan wanita yang menjalankan pelbagai perniagaan dari industri makanan kepada industri perkhidmatan. Kemampuan usahawan wanita untuk menyumbang kepada ekonomi jelas dilihat dalam dinamisme ekonomi dan sektor MSME di negara kita. Walau bagaimanapun, penyertaan wanita dalam bidang pertanian khususnya sebagai petani di Brunei masih di dalam tahap minima. FAO melaporkan bahawa wanita di Asia Tenggara dan Asia Timur, terutama di negara-negara sedang membangun termasuk China, Kemboja menyumbang sehingga 50% sebagai tenaga kerja di bidang pertanian. Walaupun angka itu sebahagian besarnya disebabkan oleh peringkat pembangunan negara-negara ini di mana peluang pekerjaan mungkin lebih terhad, namun kemajuan sebuah negara akan lebih mampan apabila terdapat penyertaan yang sama oleh kedua-dua lelaki dan wanita di seluruh sektor.

Pada sesi itu, Fatin berhasrat untuk berkongsi tentang pentingnya penyertaan wanita dalam sektor pertanian termasuk sebagai petani dan sektor nilai ditambah seperti pembuatan makanan dan pengilangan untuk mengembangkan eksport Brunei ke serata dunia.

JAMINAN SEKURITI MAKANAN DAN KESELAMATAN PENGGUNA

Yang Mulia Awang Haji Yusop bin Haji Mahmud

Pemangku Jurukira Agung,

Jabatan Perbendaharaan,

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Sekuriti makanan adalah merupakan cabaran yang sering dibincangkan dan mendapat perhatian yang serious di kalangan negara-negara serantau dan Antarabangsa tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam. Kekurangan bekalan makanan menyebabkan berlakunya krisis makanan dikebanyakan Negara. Cabaran bagi memperolehi makanan yang mencukupi telah mendorong kepada kesedaran tentang pentingnya sekuriti makanan dalam sesebuah negara.

Sekuriti makanan pada dasarnya menjurus kepada kemampuan bagi memperolehi makanan yang mencukupi, berkhasiat dari segi kandungan zat yang ada dalam makanan tersebut serta bersih dan halal dari aspek kehendak agama. Oleh yang demikian, keprihatinan terhadap makanan yang diambil dan menepati aspek kehalalannya perlu ditingkatkan dengan melihat dari segi khasiatnya. Mengikut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) terdapat 3 komponen utama dalam sekuriti makanan iaitu :-

1. Kesediaan Makanan yang mencukupi dan berkualiti melalui pengeluaran domestik dan import.
2. Akses makanan- akses kepada sumber makanan yang mencukupi oleh individu.
3. Kestabilan - Tidak akan menghadapi risiko untuk mengakses makanan walaupun berlakunya krisis ekonomi dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan yang mencukupi setiap negara perlu merancang pembangunan sektor pertanian yang mampan yang merangkumi pelbagai dasar dan program bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara sehingga dapat mencapai keperluan sara diri.

Dalam mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi memastikan sekuriti makanan terjamin dan mencukupi terutama makanan asasi iaitu beras, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan telah diberi mandat bagi mengimport keperluan beras negara dengan mensasarkan pengimportan sebanyak 34,000 metrik tan setahun. Jumlah ini adalah termasuk tambahan 6 bulan stok keselamatan (*safety stock*) daripada jumlah keperluan purata sebenar. Pengimportan keperluan beras negara ketika ini adalah daripada Negara Thailand dan Cambodia.

Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam usahanya memastikan beras-beras yang dibekalkan ke negara ini adalah selamat di mana setiap penghantaran beras ke negara ini adalah disertakan dengan *Phytosanitary Certificate* daripada *Ministry of Agriculture, Forestry and Fisheries*, Cambodia dan *Ministry of Agriculture and Cooperatives*, Bangkok dan disertakan juga dengan *Certificate of Quality* yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di negara-negara berkenaan sebagaimana yang dikehendaki di dalam kontrak perjanjian bagi setiap penghantaran.

Memang tidak dapat dinafikan kualiti beras yang diimport ke negara ini adalah yang terbaik dan berkualiti tinggi. Pada waktu yang sama Kerajaan juga telah memberikan subsidi berterusan ke atas harga beras yang dijual di Negara ini sejak beberapa tahun yang lalu. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Negara ini bagi memastikan tidak ada beras yang disubsidi di seludup keluar negara kerana bukan saja akan merugikan Kerajaan dari segi wang ringgit tetapi juga akan menjelaskan stok bekalan beras negara. Dalam usaha ke arah mencegah penyeludupan beras bersubsidi Jabatan Perbendaharaan secara terus-menerus bekerjasama dengan pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam merangka strategi bagi membendung aktiviti penyeludupan daripada berleluasa.

**KESELAMATAN MAKANAN :
RUMAH DALAM KEBUN, KEBUN DALAM RUMAH¹**

**Yang Mulia Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Besar
Ra'es,
*Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
(KUPU SB)***

Kemakmuran sesebuah negara berkait rapat dengan kemantapan ekonomi, kestabilan politik dan kesepaduan sosial masyarakatnya. Dalam usaha ini falsafah Negara Zikir Melayu Islam Beraja merupakan wadah kesatuan antara kehidupan dunia dan akhirat yang matlamatnya adalah untuk mencapai sebuah negara Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur ”بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّهُ غَفُورٌ” (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun”. Baldatun Tayyibatun dalam ayat ini berkait rapat dengan aktiviti pertanian sebagai tunggak kemakmuran negara. Kertas kerja ini bertujuan untuk membahaskan keutamaan pertanian dalam keluarga sebagai salah satu pendekatan bagi menjamin keselamatan makanan melalui konsep rumah dalam kebun, kebun dalam rumah. Perbincangan akan memberi fokus kepada hikmah bertani secara sambilan kepada pembinaan sumber tenaga manusia secara holistik dari dimensi kerohanian, akal, akhlak, jasmani dan ekonomi. Perbahasan juga akan ditumpukan kepada jenis-jenis tanaman utama yang perlu dimiliki untuk keperluan diet setiap keluarga. Pendekatan perbahasan dibuat melalui analisis teks ayat-ayat al-Quran, Hadith dan pendapat para ulama. Kertas juga akan memberikan cadangan polisi bagi merealisasikan konsep secara praktis kepada pihak-pihak yang berkenaan. Semoga usaha yang kecil ini dapat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat dalam mendapatkan barakah dari pertanian dan usaha untuk menjaga keselamatan makanan masyarakat dan negara.

¹Dibentangkan semasa Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun, 2018

**PERANAN MAKMAL DALAM MENJALANKAN UJIAN SAINTIFIK KHUSUSNYA
UJIAN SISA RACUN KIMIA DALAM HASIL PERTANIAN BAGI MENDUKUNG
KESELAMATAN MAKANAN KEPADA PENGGUNA**

**Yang Mulia Dayang Hajah Hasinahwati binti Haji Hanafi
Jurukimia Pertanian Kanan / Ketua Bahagian Kimia Makanan,
Jabatan Perkhidmatan Saintifik,
Kementerian Kesihatan**

Keselamatan makanan adalah isu yang penting dan menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat sama ada secara individu atau selaku agensi Kerajaan, pengeluar dan pengedar makanan, peladang-peladang yang menghasilkan sumber pertanian, dan selaku pengguna untuk memastikan peranan masing-masing dalam memastikan bahawa makanan yang dihidangi adalah selamat untuk dimakan.

Akses kepada makanan yang selamat dan berkhasiat adalah salah satu faktor dalam mengekalkan kehidupan dan menggalakkan kesihatan yang baik. Pencemaran kimia dalam makanan adalah salah satu penyebab timbulnya penyakit, selain daripada pencemaran melalui makanan yang dicemari bakteria, virus atau parasit. Kajian *World Health Organisation (WHO)* mendapati makanan yang dicemari bakteria, virus, parasit dan makanan yang dicemari bahan kimia telah menimbulkan lebih 200 jenis penyakit daripadanya. Pencemaran dari bahan kimia dalam makanan juga didapati boleh menyebabkan keracunan akut atau penyakit dalam jangka yang panjang seperti penyakit barah.

Penggunaan racun kimia berlebihan menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar dan mengakibatkan wujudnya sisa racun kimia pertanian dalam hasil pertanian. Penyemburian racun kimia pertanian lazim dibuat di ladang-ladang di mana sektor pertanian adalah salah satu aktiviti penyumbang kepada ekonomi negara. Aktiviti lawatan yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ke beberapa buah ladang-ladang pertanian di Daerah Brunei-Muara baru-baru ini, mendedahkan bahawa para peladang tidak menafikan penggunaan racun kimia pertanian di ladang-ladang kecuali bagi tanaman yang dihasilkan melalui kaedah tanaman hidroponik.

Racun kimia bertindak secara sistemik iaitu bagi *systemic pesticides*, atau secara sentuhan iaitu bagi *contact pesticides*. ‘*Systemic pesticides*’ meresap dan membunuh patogen perosak secara perlahan manakala ‘*contact pesticide*’ bertindak serta-merta dan kesannya dapat dilihat dengan segera. Penyemburian racun kimia akan menghasilkan hasil pertanian yang subur dan mengurangkan gangguan daripada musuh perosak atau penyakit tanaman. Walau bagaimanapun penyemburian yang tidak berhemah, dan amalan menggunakan racun campuran atau ‘cocktail’ boleh menyebabkan sisa racun kimia yang berlebihan di dalam hasil tanaman dan memudaratkan kesihatan. Pencemaran sisa racun kimia hanya akan dapat dikesan melalui ujian makmal ke atas bahan aktif yang terkandung di dalam racun kimia berkenaan.

Ujian sisa racun kimia pertanian dalam hasil pertanian adalah salah satu perkhidmatan dukungan yang dijalankan di makmal di Bahagian Kimia Makanan, di bawah Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan. Jabatan Perkhidmatan Saintifik berperanan

dalam menyediakan perkhidmatan saintifik dalam menjalankan ujian analitikal, forensik dan kalibrasi bagi mendukung kesihatan awam dan agensi penguatkuasaan undang-undang di Negara Brunei Darussalam. Bahagian Kimia Makanan, yang merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan tersebut, menyediakan perkhidmatan ujian saintifik ke atas makanan atau produk makanan dalam mendukung dan memastikan kualiti dan keselamatan makanan yang dihasilkan dari dalam negeri atau diimport. Makmal ini juga telah mendapat pengiktirafan akreditasi ISO/IEC 17025 dari Majlis Akreditasi SAC-SINGLAS, Singapura.

Maximum Residue Limit (MRL) adalah panduan kadar yang digunakan bagi menilai tahap pencemaran sisa racun kimia di dalam komoditi tanaman. Sisa racun kimia pertanian dalam tanaman makanan dikawal melalui penetapan nilai Had Maksima Residu (MRL) racun perosak. Kadar MRL adalah spesifik untuk setiap kombinasi racun perosak dan tanaman, dan digazet dalam Akta dan Peraturan Makanan di Negara Brunei Darussalam dan digunakan sebagai garis panduan dalam menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan.

Kesimpulannya, para peladang selaku agen yang menghasilkan sumber pertanian dan pengeluar makanan harus sentiasa mengamalkan ‘Amalan Perlادangan Yang Baik’ dalam memastikan keselamatan dalam makanan yang dihasilkan. Pada tahun 2017, Jabatan Perkhidmatan Saintifik telah menerima sebanyak 691 contoh hasil pertanian (sayur-sayuran dan buah-buahan segar) daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan menjalankan sejumlah 1147 jenis ujian bagi sisa racun kimia pertanian. Kerjasama di antara agensi-agensi Kerajaan dan langkah-langkah bersepakut (*collaborative* dan *synergised*) yang dijalankan adalah salah satu usaha bermanfaat bagi memastikan semua makanan yang dibekalkan kepada pengguna adalah bermutu, berkhasiat dan selamat untuk dimakan dalam menyumbang kepada pembentukan warga sihat di Negara Brunei Darussalam. Ini juga bertepatan dengan visi Kementerian Kesihatan iaitu ‘Bersama Ke Arah Warga Sihat’.

**JAMINAN SEKURITI MAKANAN DAN KESELAMATAN MAKANAN
(PENGELUARAN SUMBER LADANG KOMODITI TERNAKAN)**

Yang Mulia Dr. Dayang Diana Dennis
Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Secara amnya sumber makanan asasi bagi pemakanan manusia sejagat terdiri dari kumpulan makanan seperti karbohidrat: beras, gandum, bijiran, serat atau fibre dan khasiat-khasiat yang lain dalam sayur-sayuran dan buah-buahan, protein dari daging ayam, ikan dan daging merah (bersumber dari sapi, kerbau dan kambing). Sememangnya semua ini menjadi keperluan dalam sekuriti makanan namun dari segi perdagangan dan juga kesihatan manusia, isu keselamatan makanan berkepentingan juga untuk diketengahkan.

Dari segi pengeluaran secara domestik bagi komoditi ternakan ayam pedaging dan penelur (telur ayam) adalah pada tahap sara diri dengan menggunakan teknologi terkini dalam pengeluaran yang intensif. Bagi industri ruminan pula perkembangannya mempunyai faktor-faktor yang tertentu yang menghadkan penternakannya seperti kawasan ladang yang besar. Oleh kerana ini, pertumbuhan industri tersebut adalah melaui penggunaan sistem pemeliharaan yang intensif seperti *fidlot* dan '*trading*' (ternakan digemukkan untuk tempoh beberapa bulan untuk penjualan dan penyembelihan). Manakala perusahaan daging kambing telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan dengan penggunaan sistem pemeliharaan secara insentif (reban) dan pemberian makanan melalui sistem '*cut and carry*'. Walau demikian, tidak dapat dinafikan bahawa jumlah pemeliharaan secara domestik tidak dapat menampung keperluan negara dan oleh kerana ini pengimportan daging beku menyumbang kepada keperluan konsumen bagi sumber daging merah. Bahan mentah untuk pemprosesan dipercukupkan melalui pengimportan dan perbezaan harga dapat dilihat di antara pengeluaran daging tempatan dan daging beku yang diimport.

Dalam menangani pengeluaran, isu Keselamatan Makanan dititikberatkan dan berpandukan ekosistem pengeluaran mengikut aliran '*farm-to-fork*' approach. Bagi perkhidmatan veterinar di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, keselamatan makanan adalah dari '*farm-to-distribution*' iaitu ladang sebagai pengeluar komoditi dan pusat penyembelihan adalah perkhidmatan persiapan bagi komoditi ladang untuk dijadikan sumber makanan bagi pengguna. Melalui ekosistem tersebut, beberapa piawaian dan garispandu amalan baik '*best practices*' diwujudkan dalam memastikan keselamatan komoditi ternakan.

Di tahap pengeluaran ladang, Amalan Pemeliharaan Ternakan yang Baik (Good Animal Husbandry Practices – GAHP) adalah garispandu yang menitikberatkan komponen pemeliharaan yang menjurus kepada tahap pengeluaran seperti; pemeliharaan, program kesihatan ternakan, biosekuriti ladang, pemakanan, pengurusan pekerja dan bahan buangan ladang. Bagi Pusat Penyembelihan atau pengumpulan telur ayam, garispandu di bawah Amalan Perkilangan yang Baik (Good Manufacturing Practices – GMP) diwujudkan dengan program kebersihan yang khusus seperti QAQC – Quality Assurance and Quality Control bagi daging mentah dan telur ayam. Program tersebut mempunyai

program persampelan untuk memantau kesegaran produk (dengan kaedah penganalisan makmal) seperti program *Hygiene Monitoring* premis, biosecuriti, hal ehwal pekerja dan program latihan, pemeriksaan daging (Logo Pemeriksaan Veterinar), penyimpanan sejuk (cold chain practices) dan akreditasi dari agensi luaran seperti *Hazard Analysis Critical Control Points (HACCP)* sebagai persediaan untuk pra syarat pengeksportan.

**MENINGKATKAN PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN YANG LESTARI :
CABARAN DAN SOLUSI**

Yang Mulia Dayang Hajah Zainab binti Haji Morshidi
*Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Pembangunan sektor pertanian adalah salah satu usaha ke arah kepelbagaian ekonomi dan menjana peluang pekerjaan kepada anak tempatan. Sektor Pertanian yang berdaya maju dan produktif juga penting bagi menghasilkan bekalan makanan yang bermutu dan selamat serta mencukupi bagi penduduk negeri dan seterusnya menyumbangkan kepada pencapaian dasar jaminan makanan negara (“national food security”). Pertambahan penduduk negara dan dunia meningkatkan permintaan kepada bekalan makanan yang bermutu dan sihat justeru itu memerlukan industri pertanian untuk berkembangan dengan lebih pesat lagi.

Belia sebagai generasi penerus perlu memainkan peranan yang lebih signifikan dalam menceburui, menaiktaraf dan mengembangmajukan industri pertanian yang bersekala ekonomi, berteknologi tinggi serta memodenkan industri asas tani. Walaupun beberapa program pendidikan dan latihan belia dalam industri pertanian telah dilaksanakan, kadar penglibatan belia dalam sektor pertanian dan agrimakanan masih rendah dan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang merumitkan usaha untuk menggalakkan lebih ramai belia dari berkecimpung dalam industri ini.

Cabaran utama yang dihadapi oleh belia dalam menceburui sektor ini merangkumi antara lain persepsi negatif kepada industri ini, kekurangan akses kepada sumber tanah dan kewangan serta pasaran. Cabaran-cabaran ini perlu diatasi antara lainnya dengan mewujudkan ekosistem yang kondusif kepada penglibatan belia dan dengan merebu amalan-amalan terbaik dan program-program seperti peladang muda serta juga keadaan pertanian murah dan mudah yang dihasratkan dapat menggalakkan lebih ramai penglibatan belia dalam industri pertanian dan agrimakanan secara inklusif, mudah, bersekala ekonomi, modern dan berteknologi tinggi serta mampu menyumbang kepada menjana ekonomi belia khasnya dan negara amnya.

**PANDANGAN SAYA SEBAGAI AGROPRENEUR,
MENGAPA PERTANIAN KURANG POPULAR DI KALANGAN BELIA BRUNEI**

**Yang Mulia Haji Awang Muliadi bin Moksin
*Pengurus,
Syarikat Marsya Farm***

Tren Pengangguran di Negara Brunei Darussalam adalah di tahap yang sangat membimbangkan. Menurut akhbar Pelita Brunei, statistik pada tahun 2017 mencatatkan anggaran sebanyak 12,934 penganggur yang berdaftar. Padahal peluang-peluang di dalam sektor Pertanian dan Agrimakanan terbuka luas, baik dari segi pertanian, pemprosesan dan peluang yang berkaitan dengan penjanaan makanan dan perekonomian. Industri ini kurang popular disebabkan oleh beberapa faktor seperti kurangnya pendidikan awal di peringkat sekolah, peranan Kerajaan dalam mendedahkan ilmu Pertanian, Persepsi masyarakat kepada Pertanian dan akhir sekali ialah faktor Pemasaran. Sokongan padu daripada semua pihak dalam memainkan peranan yang sangat penting demi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menaik taraf kehidupan rakyat khasnya dan ekonomi negara amnya dan sekaligus akan melahirkan rakyat yang berkemahiran tinggi menjelang tahun 2035 di dalam semua bidang termasuklah di dalam bidang pertanian dan agrimakanan.

**PLATFORM UNTUK PENDIDIKAN GENERASI MUDA
MENJADI PELADANG MODEN**

**Yang Mulia Dr. Dayang Vanessa Teo
Founder & Ketua Pegawai Eksekutif,
Agrome IQ International Sdn Bhd**

Agrome IQ International Sdn Bhd adalah sebuah syarikat eduteknologi pertanian yang bertujuan untuk membangunkan petani generasi baru.

Kami menyediakan teknologi dan latihan asasi bagi membantu petani mempelajari cara untuk mengintegrasikan maklumat dan teknologi baru untuk menjadikan ladang mereka lebih cekap. Dr. Vanessa Teo, pengasas syarikat ini, mendapat ilham untuk menubuhkan Agrome IQ setelah menamatkan PhD beliau dalam "Agriculture Systems Modeling" di Universiti Brunei Darussalam dengan IBM yang membolehkan beliau mempelajari tentang cabaran yang dihadapi oleh industri pertanian di negara ini yang memberi inspirasi untuk mencari jalan penyelesaian.


Memastikan keselamatan makanan di negara ini adalah menjadi satu tumpuan minat beliau kerana ianya akan menjadi semakin sukar untuk menghasilkan makanan. Dr. Vanessa Teo berharap beliau dapat memberi inspirasi kepada golongan muda untuk menerokai peluang yang ada dalam bidang pertanian di Brunei Darussalam agar dapat mengembang-luaskan lagi negara dengan adanya kemahiran dan inovasi.

MEREMAJAKAN INDUSTRI PERTANIAN MELALUI PENGLIBATAN BELIA

Yang Mulia Awang Haji Irwandy bin Haji Lois
Pengurus Ladang,
Syarikat Ameenfarm Agrotech and Trading

Pada tahun 2050 penduduk dunia dianggarkan meningkat kepada 9.7 billion dan ini memerlukan peladang perlu meningkatkan hasil mereka sebanyak 70% dari hasil sekarang. Kecenderungan (*trend*) jumlah orang yang bergiat dalam dalam sektor pertanian semakin berkurangan setiap tahun. Kebanyakan peladang sudah berumur tua dan kepesatan perkembangan teknologi, perubahan cuaca, pengetahuan, meningkat dan perubahan taraf kehidupan dan jaminan keselamatan makanan memerlukan ekosistem industri pertanian yang berdaya tahan, inovatif dan aktif. Di antara pendekatan strategi dicadangkan adalah dengan Meremajakan Industri Pertanian Melalui Penglibatan Belia yang inovatif dan dinamik.

Sehubungan dengan itu galakan dan program khas inspirasi pertanian hendaklah diwujudkan untuk belia. Para belia juga mesti juga didedahkan mengenai peluang-peluang yang dalam industri pertanian ini selain dari jadi peladang sahaja. Dengan adanya program ini para belia akan mendapat inspirasi dan akan mempunyai aspirasi bergiat dalam industri ini. Dan juga diharapkan penglibatan belia dalam industri ini dapat mewujudkan pekerjaan baru dan mempelbagaikan ekonomi serta meningkatkan pendapatan negara.





*Gambar-Gambar Ristaan
Majlis Ilmu 2017*






















*Senarai
Ahli Jawatankuasa Pandu
Majlis Ilmu 2018*

SENARAI AHLI JAWATANKUASA PANDU MAJLIS ILMU 2018

Penasihat

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

Pengerusi Bersama

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein
Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Yang Mulia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi)

Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Timbalan Menteri Pendidikan

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw
Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Setiausaha Bersama

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim
Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak
Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dayang Hajah Norliah binti Haji Kula
Setiausaha Tetap (Dasar dan Fiskal)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Pengiran Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Setiausaha Tetap (Prestasi dan Korporat)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid
Setiausaha Tetap (Pelaburan)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Dr Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin
Setiausaha Tetap (Ekonomi)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Haji Zolkiflee bin Haji Abdul Karim
Setiausaha Tetap (Tenaga Manusia)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Yang Mulia Awang Haji Azhar bin Haji Yahya
Setiausaha Tetap (Tenaga)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Perindustrian)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Ahli-Ahli

Yang Mulia Pengiran Datin Shazainah binti Pengiran Dato Paduka Shariffuddin
Setiausaha Tetap (Antarabangsa)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos
Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali
bin Pengiran Haji Yakob
Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah
Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin
Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina
binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Abdul Aziz
Naib Canselor
Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Yang Mulia Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman
Naib Canselor
Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Yang Mulia Dr. Awang Haji Norarfhan bin Haji Zainal
Rector
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Yang Mulia Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar
Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad
Timbalan Setiausaha Tetap (*Ekonomi dan Kewangan*)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali
Timbalan Setiausaha Tetap (*Pelancongan*)
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Awang Abdul Halidi bin Mohd Salleh
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab
Timbalan Setiausaha Tetap (*Pengurusan, Koperasi dan Perindustrian*)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Yang Mulia Pengiran Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra
Timbalan Setiausaha Tetap (*Kuasa Elektrik, IT dan E-Kerajaan*)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Yang Mulia Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Haji Yusof bin Haji Mahmud
Pemangku Jurukira Agung
Jabatan Perbadayaan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi


Ketua Urusetia Bersama

Jabatan Perdana Menteri

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian



*Senarai
Ahli Jawatankuasa Kerja
Majlis Ilmu 2018*

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KERJA MAJLIS ILMU 2018

JAWATANKUASA KERJA MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim
Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak
Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dayang Hajah Norliah binti Haji Kula
Setiausaha Tetap (Dasar dan Fiskal)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin
Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Awang Haji Azhar bin Haji Yahya
Setiausaha Tetap (Tenaga)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

JAWATANKUASA KERJA CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos
Setiausaha Tetap (Media & Kabinet)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Md Ishak
Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dayang Hajah Norliah binti Haji Kula
Setiausaha Tetap (Dasar dan Fiskal)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

JAWATANKUASA KERJA FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak
Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dayang Hajah Norliah binti Haji Kula
Setiausaha Tetap (Dasar dan Fiskal)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Kementerian Pendidikan

JAWATANKUASA KERJA PAMERAN MAJLIS ILMU 2018 (MajlEx2018)

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw
Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh
Timbalan Menteri Pendidikan

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak
Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah
Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Perindustrian)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Yang Mulia Pengiran Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra
Timbalan Setiausaha Tetap (Kuasa Elektrik, IT dan E-Kerajaan)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Yang Mulia Dr. Awang Chin Wei Keh
Setiausaha Tetap (*Pengajian Tinggi*)
Kementerian Pendidikan

JAWATANKUASA KERJA SEMINAR MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim
Setiausaha Tetap (*Undang-Undang dan Kesejahteraan*)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak
Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Pengiran Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Setiausaha Tetap (*Prestasi dan Korporat*)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin
Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Awang Haji Azhar bin Haji Yahya
Setiausaha Tetap (*Tenaga*)
Kementerian Tenaga (*Tenaga dan Tenaga Manusia*) dan Perindustrian

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina
binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Abdul Aziz
Naib Canselor
Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Yang Mulia Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman
Naib Canselor
Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Yang Mulia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Yang Mulia Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar
Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Yang Mulia Awang Abdul Halidi bin Mohd Salleh
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

JAWATANKUASA KERJA PELAPOR DAN DOKUMENTASI MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina
binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Abdul Aziz
Naib Canselor
Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra
Penolong Naib Canselor,
Universiti Brunei Darussalam

JAWATANKUASA KERJA KELENGKAPAN MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Awang Haji Zolkiflee bin Haji Abdul Karim
Setiausaha Tetap (Tenaga Manusia)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

JAWATANKUASA KERJA PENYIARAN, PENERANGAN DAN PERCETAKAN MAJLIS ILMU 2018

Yang Mulia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos
Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet)
Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali
Jabatan Perdana Menteri

JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Lettenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali
bin Pengiran Haji Yakob
Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan)
Jabatan Perdana Menteri

JAWATANKUASA KERJA JAMUAN MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Awang Abdul Halidi bin Mohd Salleh
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

JAWATANKUASA KERJA JEMPUTAN DAN PROTOKOL MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Datin Shazainah binti Pengiran Dato Paduka Shariffuddin
Setiausaha Tetap (Antarabangsa)
Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dr Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin
Setiausaha Tetap (Ekonomi)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali
Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan)
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab
Timbalan Setiausaha Tetap (Pengurusan, Koperasi dan Perindustrian)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

Yang Mulia Awang Razali bin Haji Badar
Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara
Jabatan Adat Istiadat Negara

JAWATANKUASA KERJA CENDERAMATA DAN SIJIL MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin
Setiausaha Tetap (Ekonomi)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

JAWATANKUASA KERJA MAJLIS RESEPSI / PENGHARGAAN MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab
Timbalan Setiausaha Tetap (Pengurusan, Koperasi dan Perindustrian)
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian


JAWATANKUASA KERJA PERSEMBAHAN MAJLIS ILMU 2018

Pengerusi

Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad
Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan)
Jabatan Perdana Menteri


Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Awang Haji Mohd Ideni bin Haji Ahmad
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat 1
Jabatan Perdana Menteri





Penghargaan



Penghargaan

Pengerusi Bersama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018
Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun

Dengan hati yang tulus ikhlas
Sukacita merakamkan Penghargaan dan Ucapan Terima Kasih
Setinggi-tingginya kepada

Jawatankuasa Kerja

Jawatankuasa Kecil

Ahli-Ahli Urusetia


Penaja-Penaja

Serta

Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung
dalam menjayakan Majlis Ilmu 2018

Semoga segala bentuk sumbangan yang diberikan berupa buah fikiran,
tenaga, wang ringgit serta sokongan dan dukungan padu semua pihak ke arah kejayaan
Majlis Ilmu 2018 akan menerima balasan dan ganjaran yang setimpal daripada
Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita sama-sama mendoakan agar Majlis Ilmu akan terus mekar bagi
mewujudkan generasi yang beriman, berilmu dan beramal demi kemakmuran tanah
air tercinta dan kesejahteraan bangsa berlandaskan ajaran Islam.



Dicetak oleh
Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

